



DR 4 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM

KEMENTERIAN KESIHATAN

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM, SELANGOR DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN JABATAN KERJA RAYA	1-12
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	13-14
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN
HOSPITAL SHAH ALAM, SELANGOR
DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN JABATAN
KERJA RAYA**

1. PENDAHULUAN

Pengurusan projek pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 1 April 2015 iaitu dalam prosiding Bilangan 19 Tahun 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan

penemuan JAN berhubung Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor dengan tujuan:

- a. Mengenal pasti kelemahan dan faktor yang menyebabkan berlakunya kelewatan penyiapan projek;
- b. Memastikan projek pembinaan Hospital Shah Alam mencapai objektif yang telah ditetapkan dan tiada pembaziran dalam perolehan Kerajaan;
- c. Memastikan kerja yang dilaksanakan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib bagi menjamin keselamatan pengguna; dan
- d. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan bagi memastikan projek yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan sejajar dengan objektif pembinaan dan seterusnya mendapat pulangan sewajarnya (*value for money*) demi kepentingan rakyat.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Ketua Audit Negara atau wakilnya bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (TKPKR) (Sektor Infra) Jabatan Kerja Raya; dan
- Menjemput wakil dari Kementerian/Jabatan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM, SELANGOR

4.1 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menandatangani perjanjian pada 2 Julai 2008 dengan Sunshine Fleet Sdn. Bhd. (SFSB) bagi projek pembinaan Hospital Shah Alam (HSA), Selangor yang berkapasiti 300 katil pesakit (*In-Patient*) dengan keupayaan peningkatan kapasiti kepada 500 katil pesakit.

Pembangunan hospital ini, antaranya adalah bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang yang mengalami kesesakan disebabkan oleh pertambahan populasi penduduk.

Projek ini merangkumi pembinaan bangunan utama hospital 14 tingkat dan kemudahan lain untuk kakitangan iaitu bangunan kediaman kuarters (230 unit kelas D, E, F dan G), asrama jururawat dan doktor pelatih (*housemen*, 82 unit) termasuk bangunan blok kejuruteraan, blok mekanikal dan elektrik *plant room* serta pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB).

- 4.2 Pelantikan SFSB diputuskan oleh MoF secara rundingan terus bermula 15 November 2007 hingga 14 November 2010 dengan kos projek bernilai RM491.6 juta.

Kontrak ini meliputi projek Pakej 1 (kerja penyediaan tapak dan kerja tanah untuk tempoh 8 bulan dengan kos RM9 juta), manakala bagi projek Pakej 2 (pembinaan bangunan hospital dan kerja berkaitan untuk tempoh 36 bulan dengan kos RM482.6 juta).

Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dimana SFSB bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua peringkat pelaksanaan projek dari proses penyiasatan tapak, penyediaan reka bentuk, pembinaan, penyeliaan, pembekalan, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta penyenggaraannya sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

- 4.3 Pada 3 September 2010 JKR telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kepada SFSB.

Berdasarkan Laporan SKALA JKR bertarikh 2 September 2010 kontraktor hanya dapat menyiapkan 27% kerja berbanding jadual 33.1% bersamaan 62 hari lewat. SFSB ditamatkan kontrak kerana tiada kesungguhan untuk menyiapkan kerja walaupun 2 surat amaran telah dikeluarkan oleh JKR.

- 4.4 Pada 7 September 2011, Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan pelantikan Syarikat Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. (GESB) melalui tender terhad sebagai kontraktor penyiap bagi projek HSA yang terbengkalai ini dengan nilai projek RM410.87 juta dan tempoh siap adalah selama 24 bulan bermula dari 19 Oktober 2011 hingga 18 Oktober 2013.

MoF juga telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana bagi projek ini di mana Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan dilantik sebagai Pengarah Projek Kontrak (PP).

- 4.5 JAN mendapati pengurusan projek pembinaan HSA adalah memuaskan khususnya berkenaan pematuhan pentadbiran kontrak, penyeliaan dan pemantauan pelaksanaan kerja kontraktor penyiap (GESB) oleh JKR. Kemajuan kerja semasa GESB adalah mendahului jadual dan mutu kerja pembinaannya adalah memuaskan.

Bagaimanapun, prestasi pelaksanaan projek kontraktor asal (SFSB) tidak memuaskan kerana lewat daripada jadual dan terpaksa ditamatkan.

4.6 Antara kelemahan yang dibangkitkan oleh JAN bagi prestasi pelaksanaan projek oleh SFSB adalah seperti berikut:

- i. Kos projek pembinaan HSA telah meningkat sejumlah RM68.25 juta (14.1%) setelah mengambil kira harga kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran RM139.98 juta yang telah dibayar kepada SFSB sebelum ditamatkan (termasuk pendahuluan sejumlah RM9.58 juta). Sehubungan itu, Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM68.53 juta dan dituntut daripada SFSB.
- ii. Kemajuan kerja bagi SFSB sehingga bulan September 2010 hanya 27%. Manakala bagi kontraktor penyiap GESB kemajuan kerja setakat 15 Disember 2013 adalah 73.95% iaitu 2 hari lebih awal berbanding dengan jadual 73.92%.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Dato' Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha (KSU) KKM dan Datuk Ir. Haji Adanan Mohamed Hussain, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (TKPKR) (Sektor Infra) JKR, dijemput bagi menjelaskan perkara berikut:

5.1 Pelantikan Kontraktor dan Prestasi Projek Pembinaan

MoF pada bulan Julai 2006, memutuskan projek ini dibuat secara rundingan terus dengan SFSB dan projek disiapkan dalam tempoh 36 bulan dengan kos RM482.6 juta untuk pakej 2. Bagaimanapun, kontraktor didapati gagal menyiapkan projek mengikut jadual. Berdasarkan Laporan SKALA JKR bertarikh 2 September 2010 kontraktor hanya dapat menyiapkan 27% kerja berbanding jadual 33.1% bersamaan 62 hari lewat. SFSB ditamatkan kontrak kerana tiada kesungguhan untuk menyiapkan kerja walaupun 2 surat amaran telah dikeluarkan oleh JKR.

Seterusnya, JKR dengan persetujuan MoF telah melantik GESB sebagai kontraktor penyiap secara tender terhad untuk tempoh 24 bulan dengan kos RM410.87 juta. Kemajuan kerja setakat 15 Disember 2013 adalah 73.95% iaitu 2 hari lebih awal berbanding dengan jadual 73.92%.

Maklum Balas KKM/JKR :

- i. Projek ini telah diputuskan oleh MoF secara rundingan terus dengan SFSB dan tempoh siap projek adalah 36 bulan dengan kos RM482.6 juta.

Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menandatangani perjanjian pada 2 Julai 2008 dengan SFSB bagi projek pembinaan HSA, Selangor.

Berdasarkan prosiding PAC Parlimen yang diadakan pada 1 April 2015, KSU KKM menjelaskan bahawa pengurusan dan pelaksanaan projek ini, memang tidak ada kaitan dengan KKM.

- ii. Mengesyorkan syarikat yang dilantik bagi melaksanakan projek pembinaan hospital hendaklah mempunyai pengalaman dalam pembinaan hospital yang berkaitan.

Selain itu, mewujudkan penarafan khusus untuk kontraktor pembinaan fasiliti kesihatan termasuk mewujudkan kod bidang khusus untuk *medical planner* dan juga *medical equipment planner consultant*.

- iii. Kelewatan mendapat bekalan air daripada SYABAS dan juga terdapat tunggakan bayaran bil air sebanyak RM32,000 oleh kontraktor terdahulu.
- iv. Terdapat kerja-kerja rektifikasi rangka pintu iaitu melibatkan 1,814 unit berbanding sebanyak 600 unit semasa dikenal pasti pada peringkat awal kontraktor mula mengambil alih kerja.

- v. Kelewatan mendapat kelulusan lukisan pelan reka bentuk dalaman bagi Wad Diraja.

5.2 Pengurusan Peralatan Perubatan

Sehingga bulan Jun 2014, sebanyak 2,268 peralatan perubatan telah diterima dan sejumlah RM20.71 juta telah dibayar berdasarkan bayaran interim kemajuan kerja.

Semua peralatan perubatan yang telah diterima belum dibuat Pengujian dan Pentauliahan (T&C) kerana bangunan HSA belum siap sepenuhnya.

Maklum Balas KKM/JKR :

JKR memaklumkan bahawa semua peralatan tersebut belum dibuat T&C kerana pada masa itu hospital belum siap dan tempoh waranti peralatan perubatan akan bermula selepas sijil T&C dikeluarkan.

Dalam skop kontrak hospital ini, terdapat sebanyak 95 buah pakej peralatan perubatan yang akan dibekalkan dan melibatkan peralatan perubatan sebanyak 1,460 item merangkumi 16,616 peralatan.

Sehingga 28 Februari 2015, sebanyak 918 kod item daripada 1,460 ataupun 14,171 unit telah pun diterima dan bayaran sebanyak

RM73.3 juta telah dibayar. Masih ada lagi baki sebanyak 2,445 unit ataupun peralatan daripada 30 item yang akan dibuat *Technical Specification Adherence* (TSA). Ini melibatkan *loose item* dan *plug play* serta bayaran akan dibuat berasaskan *material on site* dan bayaran sepenuhnya dibuat setelah T&C diluluskan dan dilaksanakan.

5.3 Peningkatan Kos Projek

Pakej 2 projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan menyebabkan implikasi kewangan kepada Kerajaan kerana terpaksa menampung peningkatan kos projek di mana kontraktor penyiap telah dilantik untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai.

Kos asal projek HSA bagi Pakej 2 pada asalnya, berjumlah RM482.6 juta. Kos projek HSA yang baru telah meningkat sejumlah RM68.25 juta (14.15%) setelah mengambil kira harga kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada SFSB sebelum ditamatkan berjumlah RM139.98 juta (termasuk pendahuluan RM9.58 juta).

Maklum Balas KKM/JKR :

Peningkatan kos projek disebabkan perkara berikut:

- i. Pertambahan kos untuk menyiapkan baki kerja awalan yang perlu dilaksanakan;

- ii. Kos pembaikan kerja yang telah dibina tetapi tidak lagi selamat untuk diteruskan disebabkan cuaca, vandalisme, kerja-kerja yang belum sempurna dan reput;
- iii. Terdapat penambahan skop kerja iaitu pembinaan jejantas; dan
- iv. Inflasi iaitu kenaikan mendadak harga bahan-bahan binaan sebanyak 30% pada masa tersebut.

JKR merujuk perkara berkenaan kepada EPU memandangkan peruntukan tambahan diperlukan dan EPU juga telah mengesahkan bahawa peruntukan ini adalah wajar dengan kenaikan kos hampir sebanyak 15%.

Kos projek asal berjumlah RM482.6 juta dan bayaran yang telah dibuat kepada SFSB berjumlah RM139.98 juta dengan baki kos RM342.62 juta.

Kos bagi menyiapkan projek dengan pelantikan kontraktor penyiap berjumlah RM410.87 juta dengan terdapat perbezaan RM68.25 juta kos projek berbanding kos asal projek.

5.4 Pemantauan Projek

JKR tidak mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek bagi memantau projek dengan lebih teliti bagi pelaksanaan projek oleh kontraktor asal iaitu SFSB.

Manakala ketika pelaksanaan projek oleh GESB, JKR telah mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek bagi memantau pelaksanaan projek oleh GESB.

Maklum Balas KKM/JKR :

Ketika HSA dalam kontrak pembinaan dengan SFBSB, hanya dua kakitangan JKR yang memantau projek pembinaan HSA. Pasukan khas tidak diwujudkan untuk memantau kerja-kerja di tapak projek. Ini disebabkan oleh kerja-kerja kontrak ini adalah *design and build* dan perunding yang dilantik oleh SFBSB bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja berjalan dengan lancar.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN



**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 19/2015 pada Rabu 1 April 2015**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhannya, PAC Parlimen berpendapat kegagalan menyiapkan projek pembinaan HSA adalah disebabkan kontraktor asal yang tidak berpengalaman dalam pembinaan hospital.

PAC Parlimen juga bersetuju dengan penambahbaikan yang di ambil JKR bagi mengatasi kelemahan dalam projek pembinaan HSA untuk memantau pelaksanaan oleh GESB sebagai kontraktor penyiap.

PAC Parlimen juga berpendapat perunding yang dilantik oleh kontraktor pertama perlu bertanggungjawab atas kelewatan dan kegagalan projek.

Pengurusan projek pembinaan HSA perlu dilaksanakan dengan lebih teliti secara teratur dan cekap serta dapat dimanfaatkan sejajar dengan objektif pembinaan dan seterusnya mendapat *best value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan Kerajaan.


Selain itu, kerjasama yang baik diantara pihak KKM, JKR dan kontraktor adalah perlu bagi memastikan kelancaran projek.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mencadangkan kepada Kerajaan beberapa perkara berikut:

- 7.1. Projek-projek teknikal dan *specialize* seperti hospital hendaklah dibuat secara tender terbuka pra kelayakan supaya lebih berkesan seperti hospital berbanding secara rundingan terus.
- 7.2. Kontraktor yang hendak dilantik haruslah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pembinaan hospital.
- 7.3. Kerajaan perlu memastikan supaya wang terlebih bayar sejumlah RM68.53 juta seperti yang dinyatakan oleh JAN dituntut semula daripada SFSB bagi mengelakkan kerugian wang rakyat.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 19/2015 pada Rabu 1 April 2015**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 19/2015 PADA RABU 1 APRIL 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
1 April 2015 (Rabu) 11.00 pagi	Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam	Kementerian Kesihatan

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 19/2015 pada Rabu 1 April 2015**

Bil.19

**Rabu
1 April 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam

- Kementerian Kesihatan

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1 BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 1 APRIL 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Audit Bahagian II (Sektor Audit
Kerajaan Persekutuan)]
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Timbalan Pengarah Audit]
Ir. Zamani bin Md. Jidin [Timbalan Pengarah (Bahagian Teknikal)]
Puan Nor Asma binti Abd. Sani [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Puan Mordiana binti Morni [Penolong Pengarah Audit]
Puan Dayang Fatimah binti Abg. Ali [Penolong Juruaudit]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Parlimen & Kabinet (Bahagian Strategi
Korporat dan Komunikasi)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Raja Muhammad bin Azhan Shah Raja Muhammad [Timbalan Pengarah]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kesihatan Malaysia**

YBhg. Datuk Farida binti Mohd Ali [Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia]

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)]

YBhg. Dato' Dr. Nooraini binti Baba [Pengarah Bahagian Perancangan]

YBhg. Dato' Jagjit Singh [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan]

Dr. Shahnaz binti Murad [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)]

Dr. Balachandran A/L Satiamurti [Pengarah Kesihatan Negeri Selangor]

Dr. Hasni binti Hanapi [Pengarah Hospital Shah Alam]

Tuan Haji Jalal bin Bongkik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan]

Tuan Haji Mohd Dusuki bin Haji Yaacob [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaan)]

Puan Rahmah binti Ramli [Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)]

Puan Wong Foong Lai [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Puan Low Lai Yoong [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Encik Hisham bin Abd Aziz [Ketua Penolong Setiausaha Kanan]

Encik Jaswant Singh Gill [Penolong Setiausaha Kanan]

Encik Ashadi bin Ramly [Pegawai Khas Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia]

Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)]

Tuan Haji Zahar bin Atan [Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan]

Ir. Ruslan bin Abdul Aziz [Ketua Bahagian Pengurusan Projek 3, Cawangan Kerja Kesihatan]

Dr. Hasli bin Ibrahim [Pengurus Besar Pembinaan Hospital Shah Alam, Cawangan Kerja Kesihatan]

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir [Wakil Pengarah Projek Hospital Shah Alam]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 1 April 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.11 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Okey, boleh kita mulakan mesyuarat? Jadi, selamat pagi yang saya hormati Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Anwari dan *team* dari Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian, hadirin sekalian.

Pada pagi ini mesyuarat PAC khusus untuk membincangkan mengenai soal pengurusan projek pembinaan Hospital Shah Alam. Isu pembinaan hospital ini telah dibawa dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013, Siri 3, kan? Hospital ini pun projek runding terus dengan Syarikat Sunshine Fleet Sdn. Bhd. pada tahun 2008.

Kapasiti hospital ini 300 katil pesakit dan boleh ditingkatkan kepada 500 katil pesakit. Antara tujuan utama pembinaan Hospital Shah Alam ini adalah untuk mengurangkan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang akibat daripada pertambahan populasi penduduk. Projek pembinaan Hospital Shah Alam ini merangkumi pembinaan bangunan utama 14 tingkat dan kemudahan-kemudahan lain untuk kakitangan seperti kuarters kediaman, asrama jururawat termasuklah blok mekanikal dan pencawang TNB.

Seperti saya katakan tadi, pelantikan Sunshine Fleet Sdn. Bhd. adalah secara rundingan terus mulai November 2007 sampai November 2010 dengan kos projek berjumlah RM491.6 juta. Projek ini gagal dilaksanakan dan ditamatkan kontraknya. Selepas itu pada bulan September 2011, Kementerian Kewangan telah melantik Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyiap dengan nilai projek sebanyak RM410.87 juta dan dengan tempoh siap 24 bulan.

Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sepanjang tempoh Disember 2013 hingga Mei 2014, secara umumnya projek pembinaan ini didapati pada tahap memuaskan, akan tetapi terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini iaitu kemajuan kerja bagi SFSB hanya 27% sewaktu mereka melaksanakan kontrak ini manakala kontraktor penyiap Gadang Engineering, kemajuan kerja setakat 15 Disember 2013 73.95% iaitu dua hari lebih awal berbanding dengan 73.92%. Saya tak faham apa maksud Audit ini *[Ketawa]*

Semua peralatan perubatan yang telah diterima belum dibuat *testing* dan *commissioning* kerana bangunan hospital masih belum siap. Kos projek yang meningkat sejumlah RM68.25 juta setelah mengambil kira kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran RM139.98 juta yang telah dibayar kepada Sunshine Fleet Sdn. Bhd. sebelum ditamatkan. Ini mendorong kepada kerugian kerajaan sebanyak RM68.53 juta. Ini saya pun jadi tak faham bila saya baca ini. Jadi Datuk Anwari, kalau boleh terangkan kepada kita apa dia kekeliruan sebenarnya.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw Naib Pengerusi PAC, Dato' Seri, Datuk-Datuk, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan. Bersama saya, *team* Audit yang diketuai oleh Tuan Haji Zaki dan juga jurutera Ir. Zamani ya.

So, sebagaimana disebut tadi ada empat isu yang telah kita temuilah. Tiga isu ya. Cuma saya ingin perjelaskan bahawa projek ini telah menjangkau tujuh tahun empat bulan daripada tarikh 15 November 2007 ya...

Tuan Pengerusi: Maknanya belum buka lagi lah?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Sepatutnya siap pada hari semalam lah, 31 Mac 2015 diterima secara rasmi daripada pihak kontraktor atau pihak JKR kepada pihak kementerian. Jadi, saya akan serahkan sebenarnya taklimat ini kepada pegawai saya untuk memperjelas satu persatu. Saya jemput Tuan Haji Zaki.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Timbalan Pengarah Audit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berbahagia Datuk Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam Persekutuan, Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Timbalan Ketua Audit Negara, Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan ahli mesyuarat.

Saya merujuk kepada dua pertanyaan Yang Berhormat Pengerusi. Pertama mengenai perbezaan kemajuan ya, yang tadi 73.95% iaitu dua hari lebih awal berbanding jadual 73.92% lah. Sedikit pencapaian fizikalnya. Ada sedikit kemajuan di hadapan daripada jadual yang ditetapkan oleh JKR. Jadi kiraan dalam bentuk harinya dua harilah.

Keduanya berkenaan dengan amaun yang RM68.53 juta. Ekoran penamatan syarikat yang pertama, Sunshine dan lantikan Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd., jadi ada perbezaan harga lah, kontrak lama dengan kontrak baru tentang bayaran yang telah dibuat pada kontrak pertama. Akibat itu, mengikut kiraan Jabatan Kerja Raya, sejumlah RM68.53 juta kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Jadi pihak kerajaan, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun membuat tuntutan kepada syarikat dan saya difahamkan kes ini telah dibawa pada mahkamah ya Yang Berbahagia Datuk Pengerusi. Terima kasih.

Okey kalau diizinkan kita terus pada slaid persembahan ya. Silakan. Balik pada latar belakang ya. Projek ini bertujuan untuk menampung pertambahan bilangan pesakit atau kesesakan hospital berhampiran dengan Shah Alam iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang. *And then* projek ini pemiliknya Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelaksanaanya ialah Jabatan Kerja Raya.

Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Datuk Pengerusi, Sunshine Fleet Sdn Bhd telah dilantik secara rundingan terus, reka bina dan telah diikatkan kontrak untuk tempoh tiga tahun bermula 15 November 2007 hingga 14 November 2010, dengan kos RM491.6 juta.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Rundingan terus ini dengan JKR ataupun dengan KKM?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya, rundingan terus ini pertamanya mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

■1120

Ekoran itu, perjanjian ataupun rundingan prosesnya melibatkan Jabatan Kerja Raya... *[Disampuk]* Jabatan Kerja Raya. Okey... *[Pembentangan merujuk paparan slaid]*

Seterusnya. Sememangnya Yang Berhormat sedia maklum, Sunshine telah gagal menyiapkan projek dan telah ditamatkan. Dalam proses itu ada dua buah surat amaran telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan telah ditamatkan pada 3 September 2010 dan sejumlah RM139.90 juta telah dibayarlah berdasarkan kemajuan kerja 27%. *Then*, selepas itu lebih kurang proses mengenal pasti, penilaian dan sebagainya. Hampir setahun kemudian, pihak berkuasa, pihak Kementerian Kewangan telah bersetuju atas cadangan Jabatan Kerja Raya untuk dipanggil *selective* tenderlah, tender terhad.

Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor penyiap untuk tempoh dua tahun dan amaun yang dipersetujui...

Tuan Pengerusi: Minta maaf. Tadi Sunshine Fleet itu diberi berapa lama daripada tarikh kontraknya di...?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tiga tahun ya.

Tuan Pengerusi: Bukan, bukan. Kontrak daripada mula sampai habislah. Maknanya diberikan tiga tahunlah?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tempoh kontrak tiga tahun.

Tuan Pengerusi: Baru projek ini *determinat*elah? Baru dia punya kontrak *determinate*?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Sebelum tamat lebih kurang- dia tamat pada akhir bulan Oktober. Belum tamat itu sudah...

Tuan Pengerusi: Dia *start* bila?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: *Start*nya pada 15 November 2007.

Tuan Pengerusi: Maknanya, tiga tahunlah baru ditamatkan kontrak dia?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya. Menghampiri 2000- sebelum tamat pada 14 November 2010, sebelum tamat itu, lebih kurang dua bulan, baru notis penamatan dikeluarkan.

Tuan Pengerusi: Selalunya kalau JKR- Yang Berhormat Limbang, macam mana prosedurnya? Kena tunggu sampai kontrak habis kah, ataupun... *[Disampuk]* Itulah? Kenapa kontrak ini ditunggu sampai hampir *the full term*, baru hendak *terminate*?... *[Disampuk]* Tidak, ini ada wakil JKR... *[Ketawa]*
[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] *[Mikrofon dimatikan]*

Tuan Pengerusi: So, sebenarnya...

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tuan Pengerusi, dalam tempoh pembinaan, dia ada dapat EOT. Proses JKR menilai dan sebagainya hendak memberi EOT sampai dua kali surat EOT iaitu pada 20 Mei 2009 hingga 15 Julai 2010. *Then*, itulah dalam proses itu tadi, oleh sebab tidak ada perkembangan...

Tuan Pengerusi: Tuan Haji, sebab EOT apa dia?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Kalau boleh saya tambahkan sebab EOT salah satunya ialah kelewatan kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja retikulasi air dan kerja-kerja persimpangan jalan. Itu satu.

Tuan Pengerusi: Masalah serah tanah kah, atau apa?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Kedua, kenaikan harga binaan dan harga bahan api yang ketara. Jadi, itu ada persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Pengerusi: Sama macam LPT lah?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Lebih kurang sama masanya.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Masalah bekalan dengan pihak SYABAS ada satu isu.

Tuan Pengerusi: Betul, betul, betul ini baru, lepas Pakatan mengambil alih, okey.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Kita kalau boleh teruskan pada isu penemuan Audit di slaid 8. Tuan Pengerusi, mengikut syarat kontrak, projek yang ditandatangani pada 2 Julai 2008, Sunshine perlu menyiapkan dalam tempoh 36 bulan 3 tahun iaitu pada 15 November 2007 hingga 14 November 2010. Bagaimanapun, mengikut Laporan SKALA JKR, 2 Julai...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Pada 2 Julai 2008?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tahun 2008 ya.

Datuk Seri Reezal Merican: Bererti tahun 2011 lah. Sepatutnya kalau tiga tahunlah...
[Disampuk] Dia kata *sign* kontrak tahun 2008.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tandatangani tarikh, tandatangan kontrak tetapi kontrak itu bermula tempohnya 15 November 2007 hingga 14 November 2010.

Datuk Seri Reezal Merican: Tandatangani dan bermula kontrak *are two different things*.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Jadi mengikut Laporan SKALA JKR bertarikh 2 September 2010, kontraktor yang dapat menyiapkan 27% sahaja kerja berbanding jadual iaitu telah ada berlaku kelewatan sudah 62 hari. Dalam tempoh tersebut, JKR telah meluluskan dua kali lanjutan masa dan tarikh siap kerja yang dilanjutkan ialah sehingga 25 Jun 2011. Jadi, berdasarkan Laporan Kedudukan Semasa Projek hospital ini bertarikh 31 Julai 2013, JKR melaporkan bahawa tiada kesungguhan ditunjukkan oleh syarikat untuk meneruskan kerja walaupun dua buah surat amaran telah dikeluarkan iaitu masing-masing pada 20 Mei 2009 dan 15 Julai 2010. Lanjutan itu, JKR telah mengeluarkan notis penamatan kontrak pada 3 September 2010 kepada syarikat.

Ekoran itu, dengan persetujuan MoF telah melantik syarikat Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. secara tender terhad untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai untuk tempoh 24 bulan bermula 19 Oktober 2011 hingga 18 Oktober 2013 dengan harga kontrak RM410.87 juta.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Bila tamat Sunshine ini, ada LAD atau tidak?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: LAD tidak ada.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tidak ada LAD. *What about the bond? Are you confiscate the bond?.. [Disampuk]* Jadi tidak ada penalti ya?

Seorang Ahli: Cakaplah.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tuan Pengerusi, projek ini pun tidak dapat disiapkan di dalam tempoh 24 bulan. Ekoran itu, oleh sebab ada masalah kelewatan mendapat bekalan air dari syarikat SYABAS dan kerja-kerja *rectification* rangka pintu yang telah dipasang semasa kontraktor pertama dan wad diraja. Lanjutan itu kontraktor telah memohon beberapa kali lanjutan masa tetapi JKR hanya meluluskan tempoh lanjutan masa selama 341 hari bertarikh 3 Julai 2013 dengan tarikh baru projek siap pada 24 September 2014. Dan...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tuan Pengerusi, pintu ada sebanyak 1,814 ya. *[Disampuk]* 1,814 bilangan pintu yang terlibat.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tuan Pengerusi, kalau kita boleh pergi ke slaid yang status terkini itu. Pada 15 Mac, setakat yang kita dapat laporan...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Sebelum itu, sebelum itu. Masa dia kena *terminate* itu, 27%, bukan? Apakah kerja-kerja itu yang baru dibuat 27%?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ia merujuk kepada kontraktor yang pertama iaitu Sunshine... *[Disampuk]* Tengok pada tuntutan ya.

■1130

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Audit Bahagian II (Sektor Audit) Kerajaan Persekutuan]: Tunjuk gambar, ada gambar kah?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, Yang Berhormat dalam *report* ini ada ditunjukkan...

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Gambar perbandingan.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Di muka surat 390, 391. Gambar 17.1, 17.3. Ini gambar waktu itulah.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Waktu itu, kebanyakan struktur bangunan telah naiklah Yang Berhormat. Kalau kita lihat dalam Laporan Ketua Audit Negara, gambar 17.1 – sebelah kiri ini ialah struktur-struktur yang dibina di bawah tanggungjawab kontraktor pertama. So, di sebelah kanan itu apabila Gadang Engineering mengambil alih. So, ada perubahannya ya.

Datuk Seri Reezal Merican: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya lah, ya. Okey, kalau mengikut status terkini, status pada 15 Mac 2015 ya. Daripada segi kemajuan fizikal, kalau ikut jadual ini 99.87% tetapi pencapaian kemajuan sebenar 97.42%. Ada perbezaan 2.45% kekurangan inilah. Jadi, pihak kontraktor telah meminta EOT yang kedua selama 177 hari sehingga 31 hari bulan, sehingga semalam 31 Mac 2015. Saya difahamkan pun mungkin ada EOT yang ketiga akan diminta untuk sedikit lagi waktu yang perbezaan itu.

Tuan Pengerusi: Jadi kedua-dua kontraktor pun ada EOT lah?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Memang *problem* lah? Hospital ini berhantu kah?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kemajuan jadual ini ikut tarikh termasuk EOT ya? Bukan kemajuan jadual yang asal ya?

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Parlimen dan Kabinet (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi) Kementerian Kewangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Ya, termasuklah. Okey, Tuan Pengerusi terus pada- ia berulang baliklah untuk muka surat slaid 14... *[Pembentangan merujuk paparan slaid]*

Slaid14- pelantikan ini kita cerita balik perihal pentadbiran kontrak, pelantikan itu. Kita ulang baliklah, JKR telah mengeluarkan surat niat pada 27 Julai 2006 bagi melantik Sunshine untuk melaksanakan projek ini. Kos projek kita sudah maklum tadi, ia pakej 1 dan pakej 2. Pakej 1 untuk kerja tanah lebih kurang RM9 juta, dan pakej 2 untuk kerja-kerja pembangunan.

Tuan Pengerusi: / tengok *you* komen itu fasal Gadang itu ada dia punya CIDB dengan PKK dan sebagainya- Sunshine?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Sunshine ini Tuan Pengerusi, syarikat ini apabila kementerian- tetapi ini tidak dinyatakan laporanlah.

Tuan Pengerusi: Hendak *off record*, tutup *mike*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Kerja tanah sudah selesai pun. Sudah menjadi sempurna dengan baiknya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Mula, bukan bermula pada tarikh yang saya baca tadi, ia pakej 1 itu pakej yang kita- dalam laporan ini tidak meliputilah tempoh ia sebab ia sudah sempurna dilaksanakan. So, kita bercakap mengenai 15 November 2007 itu bermula pakej 2. Fokus kita kepada...

Seorang Ahli: Pakej 2.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Pakej 2 lah, ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *That means* yang tadi fasal CIDB itu dia dapat masa dia buat pakej 1 dia tidak CIDB, tidak ada apalah?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tidak ada.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Puan Mordiana binti Morni [Penolong Pengarah Audit]: Pakej 1 dia bermula dari 29 Januari 2007 dan siap pada 7 Oktober 2007.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Mordiana binti Morni: Itu kerja-kerja tanah. Untuk 15 November 2007 untuk kerja-kerja pembangunan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Maknanya ada dua kontrak?

Puan Mordiana binti Morni: Dua...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dua kontrak atau satu kontrak?

Puan Mordiana binti Morni: Dua kontrak yang berbeza iaitu pakej 1 dan pakej 2 tetapi kontraktor yang sama.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kontraktor sama tetapi dua kontraklah ya? Satu, pakej 1...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tuan Pengerusi, ekoran penamatan itu, pihak JKR telah mengeluarkan- dan Kementerian Kewangan sudah bersetujulah untuk melantik secara tender terhad dan melantik Gadang Engineering pada 10 Oktober 2011 bagi menyiapkan kerja-kerja terbengkalai dengan kos berjumlah RM410.87 juta. Kontraktor ini daripada segi rekod-rekod, peraturan dan pematuhan pada peraturannya dia patuhilah dengan pihak-pihak berkuasa. Termasuk dengan pengalaman, syarikat ini adalah berpengalaman.

Okey, daripada segi slaid 17. Ini kita ulang balik ya. Dua EOT telah dikeluarkan pada Sunshine dan satu pada masa itu, pada masa pengauditan. Satu EOT kepada Gadang semasa pemeriksaan Audit jadi satunya jadi dua, Sunshine EOT 1 dan 2. Tempohnya 90 hari dan EOT 2 selama 133 hari. Oleh sebab kenaikan harga dan kelewatan bekalan air tadi, kerja-kerja retikulasi.

Bagi Gadang Engineering, kelewatan mendapatkan bekalan air sama juga yang keduanya, kerja *rectification* rangka pintu yang Tuan Pengerusi menyatakan sampai 1,000 lebih ini dan mengenai susun atur wad diraja dan ada gambarnya pada masa lawatan Audit pada 12 Disember 2013. Lawatan dua kali ya pada- *follow up* balik pada Julai 2014 semasa laporan hendak disediakan. So, ada perubahan. Okey, seterusnya slaid 19.

Daripada segi penamatan pengambilan kerja kontraktor. Jadi surat-surat amaran telah kemungkiran, kontraktor telah dikeluarkan oleh JKR. Notis untuk tujuan penamatan dan notis penamatan pengambilan kerja telah dikeluarkan pada 3 September 2010. Pihak Sunshine telah menyaman kerajaan pada 9 November 2012 kerana atas penamatan kontrak. JKR telah mengemukakan notis tuntutan balasan kos kerugian berjumlah RM68.53 juta dan pada masa itu dimaklumkan status sudah dalam tindakan Jabatan Peguam Negara. Okey, seterusnya.

Pelarasan, berlaku juga ada kes pelarasan peningkatan- pelarasan ke atas kos projek untuk pakej 1. Yang Berhormat ada bertanya tadi mengenai pakej kerja-kerja tanah ya. Kos asal berjumlah RM9 juta dan selepas penilaian semula kerja-kerja, terdapat RM300 ribu pengurangan kos menjadi RM8.7 juta.

■1140

Jadi kalau dilihat *bullet* 3 itu ada pertambahan ya, peningkatan kos sebanyak RM68.25 juta. Kos projek asal bagi Pakej 2 berjumlah RM482.6 juta telah meningkat sejumlah RM68.25 juta (14.2%) setelah mengambil kira harga kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Sunshine sebelum ditamatkan berjumlah RM139.98 juta termasuk pendahuluan RM9.58 juta.

Isu seterusnya daripada segi kualiti. Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2013, kemajuan kerja pada tahap 73.95% dan pada keseluruhannya, kualiti pembinaan dan kerja-kerja oleh kontraktor adalah memuaskan. Itu daripada segi mematuhi spesifikasi dan yang ditetapkan dan daripada segi kerja-kerja kemas, ya.

Tuan Pengerusi: Satu lagi saya hendak tanya. Kalau kontrak ini *design and build*, bila kontrak sudah jalan dan kontraktor penyelamat masuk, adakah kontraktor penyelamat itu ikut *design* yang dibuat oleh Sunshine Fleet, ataupun dia boleh ubah?

Ir. Zamani bin Md. Jidin [Timbalan Pengarah (Bahagian Teknikal)]: Tuan Pengerusi, *actually* bila *design and build*, *all the plan* itu, hak kerajaanlah, kerajaan akan ambil. So, bangunan pun sudah mula *based on the design and build* yang *earlier* itu, so sambung sahajalah gunakan pelan yang sama.

Tuan Pengerusi: Adakah itu menjadi masalah kepada kontraktor hendak siapkan?

Ir. Zamani bin Md. Jidin: Saya rasa tidak ada masalah. Ikut *design* lama itu, dia *follow* sahajalah. *Design* yang *consultant*, dia ikut sahajalah.

Tuan Pengerusi: Ya, macam kita sudah dua kali atau tiga kali tengok dalam *hearing* PAC ini, kalau *design and build* ini, kadang-kadang orang kata kalau *design* itu salah, macam Balai Polis Sentullah.

Kalau *design* itu ada *problem*, jadi kontraktor mana pun yang siapkan pun, dia akan mengalami masalah juga, bukan? Adakah perkara itu berlaku dalam kes pembinaan Hospital Shah Alam ini?

Ir. Zamani bin Md. Jidin: Akan tetapi yang saya tengok di ...

Tuan Pengerusi: *Design* problemlah.

Ir. Zamani bin Md. Jidin: *Design* itu, dia ada dua kerja. Bila dia masuk sahaja, dia kena *rectify* kerja yang tidak sempurna itu. Keduanya, dia kena siapkanlah. Itu yang contoh pintu kena *rectify* tadi. Kerja yang kontraktor lama itu buat tidak betul, dia kena *rectify* dulu.

Tuan Pengerusi: Itu *defect*, tetapi *design* sendiri ada *problem* atau tidak, *problematic* atau tidak *design* itu? Fasal ini juga akan pergi pada peralatan. Fasal sistem hospital ini dia punya peralatan, dia punya *air conditioner*, *plug* dia, *oxygen tank* dia hendak letak di mana, banyak isu. Yang Berhormat Limbang ada apa-apa komen?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: JKR tidak ada komen fasal *design* ini? JKR dalam- tidak adalah? Tidak ada.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Memang *design* asal itu digunakan untuk dilaksanakan oleh kontraktor yang kedua.

Okey, seterusnya di slaid 26, peralatan perubatan. Semasa dalam kerja-kerja pembinaan itu, ada kelengkapan barang perubatan telah diterima. So, ada sedikit isu barang-barang import ini perlu mendapat kelulusan daripada MITI. Jadi pada masa pemeriksaan, ada 20 jenis peralatan perubatan telah ditolak kerana tidak mendapat kelulusan dan JKR telah pun mendapat kelulusan MoF dan akhirnya MoF telah pun memberi kelulusan.

Sehingga bulan Jun 2014, sebanyak 2,268 peralatan perubatan telah diterima dan sejumlah RM20.71 juta telah dibayar berdasarkan bayaran interim kemajuan kerja. Sebahagiannya telah dipasang di lokasi dan sebahagian lagi disimpan di stor kontraktor, stor sementara dan tempoh waranti belum bermula kerana Sijil Perakuan Kerja Siap belum dikeluarkan pada masa itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi barang itu masih lagi *up-to-date* ataupun sudah *obsolete*?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tempoh waranti akan bermula selepas...

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Barang yang mereka beli sesetengah itu *obsolete* atau masih *up-to-date*? *Up-to-date*, ya? Okey. Tidak, fasal ia ada beza, walaupun tempoh waranti mula, tetapi kalau barang itu *obsolete* pun satu isu juga.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Puan Mordiana binti Morni: Ia adalah pada waranti daripada Gadang.

Tuan Pengerusi: *Contractor's warranty* dengan *factory warranty* itu, kira *cover* lah, *same liability* lah?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Tidak, kadang-kadang fasal dia *design and build*, kontraktor ambil tanggungjawab kesemuanya, macam Airport KK. So dalam hal ini, kalau kontraktor sudah ambil alih waranti dari kilang, itu maknanya kita kena kejar kontraktor lah.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Okey dan peralatan barang ini sebahagiannya disimpan dalam stor kontraktor dan daripada segi susunan, daripada segi itu, tidak ada menimbulkan kesan yang besar pada peralatan berkenaan. Cuba tengok gambar itu. Ini semua pada masa itu masih di bawah tanggungjawab kontraktor.

Daripada segi Pemantauan Projek di slaid 31, pada masa kontraktor pertama Sunshine itu, didapati bahawa JKR tidak mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek. Itu salah satu daripada faktor juga yang menyebabkan pemantauan kurang berkesan di tapak projek. Akan tetapi selepas peristiwa itu, dengan pelantikan kontraktor kedua, pihak JKR telah pun mewujudkan pasukan khas di tapak projek. Itu salah satu penambahbaikan yang bagus untuk *monitor* projek.

Jadi, yang akhirnya Pendapat Audit.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sebelum itu, dia tidak ada PMC ya? Memang JKR *direct*? Tidak ada PMC ya?

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tidak ada.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Antara syor Audit ialah kaedah pemilihan kontraktor hendaklah mengutamakan kemampuan daripada segi kewangan, kepakaran dan pengalaman, khususnya dalam pembinaan hospital.

Keduanya daripada segi peralatan tadi. Kita takut apabila projek itu sudah mula hendak digunakan dan berbangkit lagi tiga tempoh dan sebagainya, sama ada sesuai atau tidak sesuai, empat tahun atau lima tahun kemudianlah.

Ketiganya, kita minta pihak JKR ataupun Kementerian Kesihatan untuk meneruskan tuntutan kepada Syarikat Sunshine atas nilai kerugian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan lain? Ini cerita lama, cerita lama.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, itu sebenarnya Datuk Anwari, kita pun pernah melawat hospital baru di Johor yang kosnya lebih mahal daripada Shah Alam itu. Kita pergi sudah. Ingat? *We did. We went to the new one, the new hospital in Johor, near the Iskandar.*

Tuan Pengerusi: Di Pandan?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Kulat, ya. Kulat, betul kerana di Johor ini banyak kulat.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Datuk saya nampak itu ulasan, kita berpuas hati dengan JKR dalam pemantauan kerja ini. Dan siapa yang kita tidak puas hati dengan, Sunshine Fleet Sdn. Bhd., atau Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd, ataupun Kementerian Kewangan, ataupun Kementerian Kesihatan, siapakah yang kita tidak puas hati dengannya?

■1150

Datuk Haji Anwari bin Suri: Daripada segi *auditing*, kita melihat bahawa kontraktor pertama ini telah gagal. Jadi kita mempertikaikan kenapa memilih kontraktor pertama itu. So, di sini saya pun ada senarai nama-nama pegawai-pegawai yang bertanggung jawab pada waktu itu, mungkin kalau pihak PAC hendak tahu, saya boleh beri.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Pegawai JKR kah itu? Agaknya kalau pasukan...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Madius bin Tangau: Agaknya kalau Pasukan Projek Khas dari JKR itu diwujudkan dari mula, agaknya macam mana, projek ini berjalan lebih baik ataupun macam mana?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Sebab saya pun melawat sendiri projek ini, so mula-mula terkejutlah, kenapa projek ini, di lokasi yang begitu cantik, di Shah Alam, sepatutnya tidak berlaku sampai hampir tujuh tahun. Sepatutnya pemantauan oleh pihak kementerian, sama ada Kementerian Kesihatan atau Kementerian Kerja Raya begitu rapi lah. Macam mana projek ini boleh terbelangalai?

Datuk Madius bin Tangau: Daripada amalan biasa, macam mana JKR ini? Kalau dia BOT macam ini, ada dia punya Pasukan Projek Khas kah untuk memantau?

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, dengan adanya projek ada pemantauan daripada unit pasukan khas ya, so hasil daripada *briefing* dengan mereka, kita dapati ada pasukan yang lengkap lah ya. *Engineer* duduk di sana khas sepenuh masa.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Sunshine Fleet Sdn. Bhd. itu, *it wasn't there*, kan?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Masa peringkat awal kita tidak hadir di *site* lah. Kita tidak tahu apa keadaan di situ.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Akan tetapi itu pengakuan syarikat Sunshine Fleet Sdn. Bhd., tidak ada pasukan khas lah.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So *based* kepada rekod-rekod, memang tak ada lah.

Ir. Zamani Md. Jidin: Tuan Pengerusi, kalau kita tengok projek ini, projek Institut Kanser Negara (IKN) itu kan, dia ada *team* di situ, saya tengok dia cepat siap. Maksudnya bila dia duduk di situ, apa kelemahan-kelemahan itu dia sudah boleh *tackle* di situ lah. Itu kelebihan dia lah.

Datuk Seri Reezal Merican: *That was done through PFI* kan? *It was through PFI*.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, projek Institut Kanser Negara ini projeknya siap *on time*. Dalam sejarah saya kerja Audit, saya ingat dua kali lah projek *on time*. Satu projek jalan di Perak, yang kita buat audit, yang saya jumpa lah pengalaman kerja audit 35 tahun.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Reezal Merican: Kita banyakkkan lah PFI ini, bagus, cepat siap.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Mohd Zaki Ismail: IKN awal jadual dua minggu ya. Dua minggu.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Eh, Pakej 1 *ahead of time*. Pakej 1.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Encik Rosli bin Yaakub: Okey Tuan Pengerusi, saya lihat projek ini, yang pertamanya ialah kelemahan pengurusan kontrak Tuan Pengerusi. Di mana JKR gagal untuk memantau perjalanan kontrak daripada awal. Itu satu. Yang keduanya, sepatutnya JKR sudah boleh *trace* projek ini sakit ataupun tidak, apabila kelewatannya 20%. Sepatutnya di situ sudah boleh ambil tindakan. Tetapi saya lihat dalam laporan ini, tindakan ke atas kontraktor diambil bersesuaian dengan tarikh tamat tempoh. Maknanya dia hendak ambil jalan selamat.

Sepatutnya daripada awal dia sudah boleh ambil tindakan, 20% sepatutnya sudah dikira sakit. Yang ketiga Tuan Pengerusi, saya ada kekhawatiran sedikit tentang *testing and commissioning* alat-alat yang sudah ditempah itu. Alat sudah masuk dalam tahun 2013, nanti mungkin kita boleh tanya, bagaimana dia hendak pastikan apabila dia buat, mungkin tahun ini masuk, alat itu masih boleh dipakai. Sedangkan benda itu sudah dua tahun berlalu, hendak hampir tiga tahun. Kemudian yang keempat, sepatutnya Kementerian Kesihatan, dia ada satu *special committee* untuk projek ini dan di peringkat pelaksanaan projek, JKR kena ada satu *committee*. Nanti kita boleh *check* sama ada *committee* ini wujud atau tak wujud. Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Jadi kita fokus kepada fakta lah kan. Fakta dia pengurusan kontrak ini kan. Ada apa-apa soalan lain sebelum kita panggil? Tak ada, sila panggil mereka yang patut kena *interview*.

[Saksi-saksi masuk mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

■1200

Tuan Pengerusi: Okey, media keluar. Nak tunggu kamera keluar dulu Datuk *[Ketawa]* Sudahlah, sekejap lagi ada *press conference*. Okey, selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Farida binti Mohd Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia; Yang Berbahagia Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Sektor Infra. Selamat datang ke Mesyuarat PAC kita pada pagi ini.

Tujuan kita mengadakan mesyuarat pada pagi ini adalah untuk mendengar penjelasan daripada Kementerian Kesihatan dan juga daripada Kementerian Kerja Raya mengenai isu pengurusan projek pembinaan Hospital Shah Alam di Selangor.

Jadi, hospital ini yang dicadangkan pada tahun 2007, dilaksanakan pada tahun 2008 tetapi selepas itu kontraktor asalnya tidak siap, ditamatkan kontraknya pada September 2010 betul ya? Selepas itu dilantik Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. pula sebagai kontraktor penyiap dan menyebabkan hospital ini setakat yang pihak Audit telah menjalankan siasatan sekarang ini- *correct me if I am wrong, but* sekarang ini sudah RM65 million *overbudget*. Jadi, ini merupakan satu pembaziran kepada wang kerajaan, ya.

Jadi, isu ini sebenarnya Datuk telah diperiksa dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, Siri 3 lepas. Walaupun kontrak ini sudah lama, isu ini sudah lama tetapi kita hendak tahu juga apakah masalah yang timbul daripada segi perancangan, daripada segi *award contract*, daripada segi pengurusan kontrak, daripada segi *monitoring* kontrak ini. Saya dimaklumkan hospital ini belum buka lagi sampai sekarang. Jadi kita pun hendak tahu kenapa kontraktor penyelamat pun nampaknya ada *delay* juga dalam menyiapkan hospital ini.

Jadi, Datuk sudah biasa datang, bukan? PAC, ya?... *First time? Okay. I think* Datuk Adanan sudah biasa, bukan?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)]: Tidak Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *First time* juga? Okey, hari ini kalau ada dalam keterangan nanti isu sensitif, hendak cerita, tutup mikrofon. Kalau perkara tersebut boleh dizahirkan dan mahu direkodkan dalam *Hansard*, buka mikrofon. Saya jangka hari ini akan ada soalan-soalan sensitif akan ditanya yang saya hendak bagi amaran kepada kedua-dua Datuk supaya memerhatikan apa yang hendak dicakap itu, kalau boleh masuk dalam *Hansard*, buka mikrofon. Ada perkara yang mungkin yang sensitif, tutup mikrofon. Jadi, itu sahajalah yang saya hendak bagi panduan kepada Datuk untuk memberikan penjelasan pada hari ini. Seterusnya, kita minta Datuk untuk memberikan penjelasan mengenai isu ini. Terima kasih Datuk.

Datuk Farida binti Mohd Ali [Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sihat 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara dan juga daripada Unit Perancang Ekonomi.

Bersama saya, izinkan saya perkenalkan Yang Berusaha Dr. Shahnaz Binti Murad wakil Ketua Pengarah Kesihatan, Puan Rahmah binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Pembangunan; Dr. Balachandran, Pengarah JKN Selangor; dan juga Dr. Hasni binti Hanapi, Pengarah Hospital Shah Alam; dan juga beberapa lagi pegawai kanan lain daripada KKM.

Bersama saya juga Datuk Ir. Haji Adanan, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Sektor Infra; bersama-sama dengan pegawai-pegawai beliau iaitu Tuan Haji Zahar bin Atan, Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan merangkap Pengarah Projek Hospital Shah Alam; Encik Wan Mohd Saipallah, wakil juga Pengarah Projek HSA; Ir. Ruslan bin Abdul Aziz, Ketua Bahagian Pengurusan Cawangan Kerja Kesihatan; dan juga Dr. Hasli bin Ibrahim, Pengurus Besar Pembinaan Hospital Shah Alam, juga daripada Cawangan Kerja Kesihatan.

So, izinkan saya Yang Berhormat untuk *just run through the presentation that we have prepared, so that* kita boleh memberikan sedikit penjelasan tentang pelaksanaan ataupun pengurusan projek daripada mula ya. Okey, *can we start the next one? So, it will cover* empat areas, bermula dengan latar belakang. *Then we will touch on the* penemuan audit dan juga apa penjelasan yang akan kita berikan. Seterusnya, sedikit tentang perancangan pngoperasian hospital dan *the way forward* lah ya.

Okay next, sedikit gambaran tentang *the* Hospital Shah Alam. *Next, go on.* Terus. *Next.* Okey. Sebagai latar belakang, hospital ini hospital pakar *major* 300 buah katil dan kos projek dianggarkan pada masa itu RM482.6 juta. Pelaksanaan dilakukan secara reka dan bina ataupun *design and build*. Kaedah perolehan iaitu melalui bagi kontraktor asal iaitu SFSB iaitu secara rundingan terus manakala kontraktor penyiap melalui tender terhad. Terdapat dua buah pakej pelaksanaan iaitu satu Pakej 1 – kerja tanah dan kerja awalan; diikuti Pakej 2 – kerja-kerja bangunan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Sebelum itu boleh dapat penjelasan Tuan Pengerusi? Pertamanya ialah kontrak ini ditandatangani oleh KKM dengan kontraktor, ya?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Dato', *if I can continue so that I can explain the...*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kontrak, kontrak ini...

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Yes with JKR...*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: ...KKM atau JKR?

Datuk Farida binti Mohd Ali: JKR.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Fasal laporannya ada ini. Kementerian Kesihatan telah...

Datuk Farida bin Mohd Ali: Ya, projek ini *owner is* Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So, who signed the contract, KKM or JKR?*

Datuk Farida binti Mohd Ali: Kontrak sebab agensi pelaksana projek ialah JKR. *So*, mereka yang mewakili kerajaan dalam menandatangani kontrak bersama kontraktor.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi ini laporan mengatakan KKM telah menandatangani perjanjian dengan Sunshine Fleet. Jadi mana yang betul ini?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Oh! *The history* itu pada mula-mula tahun 2001 *when the first project was first muted*. KKM *wanted to implement the project* tetapi lepas itu kita mengadakan rundingan harga tetapi tidak berjaya dan projek itu ditangguhkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Selepas itu projek itu diserahkan kepada JKR dan JKR mengendali...

■1210

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So JKR signs...*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Yes.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Right.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Yes.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Design and build, design ini siapa yang luluskan? KKM yang luluskan atau JKR?*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Kementerian Kewangan.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Tak, design.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Oh the design for the building, JKR sorry.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *JKR ya?*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Yes.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Any input from Kementerian Kesihatan?*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Yes, definitely. I have a slide, can we show the slide. Kami menyediakan the MBOP. Okey, boleh saya explain.*

[Pembentangan merujuk kepada paparan slaid]

KKM bermula dengan menyediakan tapak, kemudian menyediakan peruntukan untuk mendapatkan bajet daripada EPU. Seterusnya selepas kita mendapat kos ataupun peruntukan, kita akan menyediakan *the detail Medical Brief of the Project* atau MBOP. Makna sebab ia melibatkan hospital dan selepas itu kita akan mengisi borang permulaan pelaksanaan projek. Perkara 4 dan 5 ini yang kami akan serahkan kepada JKR untuk mereka menggunakan sebagai asas kepada *design of the hospital*.

Kita akan beri *all the specs* termasuklah tadi, *is a 300 bed and then what are the requirements of the hospital*. Sebab hospital ini pula merupakan hospital pakar *major* so dia ada 14 bidang kepakaran. So jadi banyak bilik-bilik dan sebagainya yang memerlukan *detail specification*.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Thoroughly the layout of the hospital...*

Tuan Pengerusi: *Datuk lebih prefer habiskan taklimat dulu baru kita tanya soalan ataupun kita boleh mencelah.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Maybe- can I proceed with the taklimat?*

Tuan Pengerusi: *Saya tengok Datuk macam nervous sikit ini hari [Ketawa]*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *No, no can I jump sebab soalan itu bertanya in the next slide. So can I proceed with the taklimat Tuan Pengerusi?*

Tuan Pengerusi: *Yang Berhormat Telok Kemang, catat dulu soalan [Ketawa] Dia lain orang lain dia punya.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: Its okey, Tuan Pengerusi saya ingin menjelaskan sebab proses of the project is very long. So, dari tahun 2001 tadi disebutkan sehingga pada hari ini. Banyak events, so if we can take you through the process is better, but you can stop me along the way- we can discuss.

Tuan Pengerusi: Can interject lah?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Boleh, boleh. Sure.

Tuan Pengerusi: Okey ya.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Sure.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Telok Kemang, Datuk sudah bagi interject sudah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Boleh, boleh no problem okey. So next slide. Okey ini skop projek.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Kalau macam itu, kalau boleh interject ini nak tanya tadi balik kawan Yang Berhormat Telok Kemang tanya tadi siapa yang dalam laporan ini tadi Kementerian Kesihatan sudah menandatangani perjanjian pada 2 Julai 2008 dengan Sunshine. What was that, perjanjian apa itu?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Saya minta JKR.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Before we go further lah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Okey, JKR.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, yang perjanjian pada tahun 2008 itu adalah antara JKR dengan Sunshine Fleet, iaitu kontraktor... [Disampuk] Tidak.

Tuan Pengerusi: Audit salahkah?

Datuk Madius bin Tangau: Kesihatan bukan JKR. Ini dalam laporan.

Datuk Seri Reezal Merican: Mungkin, you maklum daripada segi proses. Pertama daripada segi kaedah penganugerahan dan secara rundingan terus. So Kementerian Kewangan akan keluarkan kelulusan agar projek ini dibuat secara rundingan terus. Second, surat letter of award issued by whom? Issued by JKR kah, issued by Kementerian Kesihatan, dua ya. Kemudian masa Jawatankuasa Rundingan. then only we come to menandatangani kontrak and then at that particular point of time contract signed by whom? Kementerian Kesihatan so we want to know who's the real project owner.

Datuk Farida binti Mohd Ali: So, ketiga-tiga soalan tadi semuanya ditandatangani JKR. Semua JKR ya.

Tuan Pengerusi: Kena tanya Audit juga, macam mana Audit boleh salah lapor benda ini.

Datuk Madius bin Tangau: Pasal kesihatan.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: Tuan Pengerusi, kalau boleh perenggan berapa ya Tuan Pengerusi. Mula-mula latar belakang.

Datuk Farida binti Mohd Ali: The first row

Tuan Pengerusi: Mukadimah, mukadimah itu.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ya, 1711 Tuan Pengerusi the statement is returned by...

Datuk Madius bin Tangau: Ayat pertama.

Puan Mordiana binti Morni: Semasa proses *complimentary letter* kepada kementerian, kita Jabatan Audit Negara sudah hantar satu CL dan kita terima maklum balas daripada kementerian tidak ada perubahan untuk perenggan itu.

Tuan Pengerusi: Maknanya pada masa *exit interview* dulu tidak ada pembedaan dibuatlah kepada maklumat ini, betul? Tak Datuk, kita punya masalah di sini kita kena *precise with the information...*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *The statement is wrong.*

Tuan Pengerusi: *We cannot just* agak-agaklah kan. Kalau ada *miss communication* dan sebagainya maklumat yang dicatat itu salah. Nanti kita punya laporan PAC kita pun salah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Kami sudah mengadakan *exit entrance conference* masa projek ini dan memang menjelaskan bahawa projek ini memang tidak ada kaitan daripada segi pelaksanaannya dengan KKM. *It started* memang *with JKR.*

Tuan Pengerusi: Yalah so...

Datuk Farida binti Mohd Ali: *From the contractor* asas sehingga kontraktor penyiap.

Tuan Pengerusi: So, Kementerian Kesihatan dari *endowment is JKR*, so Audit kena hati-hatilah isu ini. Saya tak hendak panjang-panjangkan hal ini. Sekarang ini kalau fakta kata JKR yang *sign*, kita fokus kepada JKR lah. Okey. Terima kasih.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Boleh saya terus ya. Boleh saya terus Tuan Pengerusi. Okey, *so the scope of the project* meliputi bangunan dan juga kerja-kerja berkaitan- Teruskan okey. *Alright, first komponen is the hospital 300 bed.* Kita ada *main block* iaitu 14 tingkat dan seterusnya 312 unit kuarters untuk staf dan juga khas untuk jururawat dan *housemen who have to be there.* Lain-lain blok kejuruteraan M&E, pencawang TNB dan juga *6 and 7*, kerja-kerja mekanikal *electrical plus other external works and* termasuklah lapan iaitu kerja penyelenggaraan *for 24 months* ya.

Next, these are the 14 perkhidmatan kepakaran yang akan disediakan di Hospital Shah Alam. Seterusnya, tadi saya menjelaskan peranan di mana KKM dan JKR terlibat dalam pelaksanaan projek. *So we are the owners of the project* dan pelaksanaannya memang diserahkan kepada JKR. So selepas perkara 4 dan 5 saya sebut tadi diserahkan kepada JKR. JKR akan mengambil alih dan melaksanakan kerja-kerja yang telah saya nyatakan di sebelah sana iaitu perolehan kontrak kerja, pelantikan kontraktor.

So ini semua JKR akan berurusan dengan *Treasury.* Sehingga mereka juga pengarah projek ini bagi penyeliaan, bayaran dan juga pemantauan apa-apa jua perubahan kepada kerja dan juga *any* muktamadkan akaun. Begitu juga dengan VO ataupun apa-apa perubahan kepada kontrak, mereka juga terlibat bagi memastikan kerja-kerja disiapkan dan diserahkan kepada pelanggan.

Pelanggan di sini KKM ya, dan *of course* termasuklah untuk menamatkan perkhidmatan kerja kontraktor. So, ini 1 hingga 7 adalah di bawah bidang kuasa atau tugas-tugas...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi pelantikan kontraktor ialah dibuat oleh JKR?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Yes.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Not with any other ministry?*

Datuk Farida Mohd Ali: No.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: JKR sahaja yang melantik kontraktor ini. *Direct negotiation*, tak ada tender, tak ada apa, ini keputusan JKR ya?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Sama ada hendak *open tender* atau *direct nego* keputusan MoF, Kementerian Kewangan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi pelantikan kontraktor ini MoF ataupun JKR? Yang nombor dua ini?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya setelah Kementerian Kewangan *decide* kaedah dia, baru kita akan laksanakanlah. So untuk Sunshine ini melalui rundingan terus yang mana...

Tuan Pengerusi: Soalan, soalannya...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi yang nombor dua itu bukanlah pelantikan, rundingan dengan kontraktorlah ya.

Tuan Pengerusi: Soalan lebih tepatnya, adakah projek ini diwujudkan di JKR ataupun arahan daripada MoF? Permohonan itu datang terus kepada JKR kah, kepada KKM kah ataupun MoF yang suruh runding dengan syarikat.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Rundingan itu datang dari Kementerian Kewangan.

■1220

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kita ada surat, hitam putih, arahan daripada Kementerian Kewangan.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Surat Kementerian Kewangan adalah pada 14 Julai 2006 yang mana telah memutuskan projek ini dibuat secara rundingan terus dengan Sunshine Fleet Sdn. Bhd.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, saya daripada MoF. Sebenarnya yang pertama, projek ini ialah memang satu keperluan. Hospital ini memang satu keperluan, itu yang pertama. Kedua, sama ada ia secara *direct nego*, tender ataupun tender terhad, ia adalah secara *direct nego*,. Akan tetapi apabila surat *direct nego* itu dikeluarkan, maka JKR akan merundingkan harga. Memang *stated* dalam surat yang dikeluarkan oleh MoF bahawa harga yang dirundingkan perlulah pada harga yang menguntungkan kerajaan. Itu ialah peranan yang dimainkan oleh JKR termasuk menguruskan kontrak ini sehingga siap. Akan tetapi peranan MoF sama ada tender, *direct nego*, ataupun tender terhad. Dalam kes ini ialah *direct nego*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kadang-kadang projek ini diangkat daripada KKM ataupun daripada JKR ke MoF. MoF kata, "Okey, you buat cara rundingan terus". Baru turun balik. Soalan saya tadi, sama ada projek ini diturunkan daripada MoF kepada JKR dengan KKM.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Terus kepada KKM- JKR, sorry Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Maknanya KKM hanya terlibat dalam...

Datuk Farida binti Mohd Ali: *The moment* kita serah projek kepada JKR, *so itis all...*

Tuan Pengerusi: *That is why the topic of discussion today* pun Datuk- *actually*, yang dipanggil Datuk untuk jawab. Sepatutnya kita panggil JKR sahaja.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Tidak apa. *It is okay. It is our project.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Oleh sebab itu kita kena *clear this line of reporting* ini. *The line of responsibility.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: Betul.

Tuan Pengerusi: Fasal Pegawai Pengawalnya dalam projek ini JKR. Untuk sayalah, kalau saya dengar ini bukan KKM.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *That* Yang Berhormat...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Apakah yang kita hendak tahu ialah siapa yang melantik kontraktor Sunshine? MoF kah atau JKR?

Datuk Farida Mohd Ali: Keputusan untuk melantik mengadakan rundingan terus adalah daripada MoF. Seperti yang disebut tadi pada 14 Julai 2006. Seterusnya, *the process of pelantikan will be done by* JKR.

Tuan Pengerusi: Fasal lantikan itu kepada Kementerian Kewangan, *solely* Kementerian Kewangan punya hak pun, bawah *Finance Act*.

Seorang Ahli: Menteri Kewangan sahaja.

Tuan Pengerusi: Menteri Kewangan, Menteri Kewangan. Teruskan Datuk.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *So, this is the first package* kontraktor asal iaitu Sunshine Fleet Sdn. Bhd. *We will use the word SFSB.* Harga kontrak RM9 juta, ini untuk kerja-kerja awalan tapak dan tanah ya. Surat Niat dikeluarkan pada 27 Julai selepas daripada keputusan MoF pada 14 Julai, SST dikeluarkan pada 29 Januari 2007 dan masuk tapak pada 8 Februari 2007 untuk lapan bulan. Projek ini siaplah pada 7 Oktober 2007. *So, yang ini tidak ada masalah, on time. Okay, next.*

Untuk pakej 2, kontraktor asal lagi, Sunshine Fleet. *So,* harga kontrak RM482.6 juta dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 9 November 2007, dan masuk tapak pada 15 November 2007. Tempoh kontrak ialah 36 bulan, *that means* tiga tahun dan tarikh siap asal adalah pada 14 November 2010. Walau bagaimanapun dalam tempoh tersebut, terdapat *extension of time (EOT)* yang mana diberi pada 22 Oktober 2008.

That means before the end of the dateline iaitu 14 November yang mana diluluskan EOT 1 selama 90 hari dari 14 November dan ia akan mengambil masa daripada *the last* tarikh siap. Jadi 14 November 90 hari sehingga 12 Disember 2010. Selepas itu, ada satu lagi EOT 2 yang mana nanti saya akan jelaskan sebabnya. So, ada EOT 2 iaitu 133 hari juga diluluskan pada 11 Jun 2009. *Also before the date of completion* yang mana tempohnya akan bermula pada 12 Februari 2011 sehingga 25 Jun 2011. Dan...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Boleh saya tanya sikit?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Okey.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *On* EOT ini, EOT 1 ini diluluskan kurang dari setahun daripada tarikh milik tapak ya? *I mean within that one year, site possession*, dia sudah mula minta EOT. Ini berkenaan dengan apa?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, mungkin kalau kita ingat pada tahun 2007 hingga 2008 ada kenaikan bahan-bahan binaan. So, semasa itu tahun 2008 dalam bulan Ogos, pihak Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu *Circular* untuk membantu kontraktor-kontraktor daripada segi penambahan kos. Salah satu bantuan ialah memberi EOT selama tiga bulan. So, di sini kontraktor telah memohon...

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya.

Tuan Pengerusi: Ini yang sama dengan kes apa yang berlaku di Lebuhraya Pantai Timur ya?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya, *that...*

Tuan Pengerusi: Ada dia punya *delay* itu fasal ada kontraktor yang minta...

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yes.

Tuan Pengerusi: JKR untuk hendak *revise* dia punya *rate* kerana kenaikan harga yang luar jangka?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya, ya masa itu.

Tuan Pengerusi: *Circular* itu tahun 2008, bukan?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tahun 2008, ya. *So, it covers every contract.*

Datuk Seri Reezal Merican: *Mid-term review RMKe-9, is it?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ini, bukan. Tidak ada kena-mengena dengan *mid-term review*. Ini ialah kenaikan kos.

Datuk Seri Reezal Merican: Ya, saya tahu. *Because there was* tetapi, *I think that happened after Mid-Term Review*, bukan?... RMKe-9.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Mungkin jugalah. Saya tidak berapa ingat Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Memang ada Pekeliling dikeluarkan untuk membantu?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya, sama. Saya hendak tanya satu KSU ya, *actually* maklumat kontrak ini saya rasa ada sedikit- tarikh milik tapak ini *is site position* tetapi tidak semestinya tarikh *sign* kontrak, satu. Keduanya, tempoh kontrak 36 bulan, selepas itu tarikh siap asal 14 November...

Datuk Farida binti Mohd Ali: 2010.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: 2010. Jadi bila yang sebenarnya tempoh kontrak? Tarikh tamat kontrak, kontrak apa? *There is a* – tidak betullah di sini ini, terus teranglah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ditamatkan, ditamatkan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ditamatkan lain dengan tempoh tamat kontrak.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang dulu bekas Timbalan Pengarah JKR Sarawak. Jadi dalam negeri Sarawak dulu, dia *deputy boss*.

Datuk Seri Reezal Merican: Kami punya JKR *de-facto* di sini [Ketawa]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi kena betulkan maklumat ini...

Datuk Farida binti Mohd Ali: Memang, memang. Tidak betul.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tarikh ditamatkan...

Datuk Farida binti Mohd Ali: Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tarikh siap asal.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Boleh saya beri penjelasan? Itu saya sebut tadi, tarikh siap asal *is* 14 November 2010. Disebabkan kedua-dua EOT yang telah diberi, maka tarikh tamat kontrak telah ditamatkan *because of* dia tidak *perform*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sepatutnya, tarikh siap asal itulah tarikh tamat kontrak yang sebenarnya.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Yes, betul.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *The other one is...*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *So* asal *is* tamat kontrak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ditamatkan.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Tarikh ditamatkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ini Kementerian Kesihatan yang buat ini. Sepatutnya JKR yang buat [Ketawa]

Datuk Farida binti Mohd Ali: Sama-sama, sama-sama. Bersama-sama Yang Berhormat. Okey, betul, *alright*.

Tuan Pengerusi: Kasihan Kementerian Kesihatan.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Tidak apa, tarikh ditamatkan. Okey. *So*, untuk penjelasan tadi kenapa ada dua EOT, ya. Pertama tadi disebutkan oleh Datuk Ir. Adanan, kenaikan harga bahan binaan dan juga harga bahan api yang ketara.

So, they have given the variation order of price mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008. Juga berlaku kelewatan mendapat kelulusan daripada SYABAS bagi melaksanakan kerja-kerja retikulasi air dan juga kelulusan MBSA berhubung kerja-kerja persimpangan jalan. So those are the contributing factors for the EOT.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya soalan nakal sikitlah. Ini tahun masa berurusan dengan SYABAS itu, waktu peralihan kerajaan baru Negeri Selangor ya? Oleh sebab itu masalah timbul? [Ketawa] Kelulusan kerajaan negeri.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

■1230

Datuk Farida binti Mohd Ali: Seterusnya yang kontraktor penyiap juga ada satu EOT, itu yang juga berlaku kelewatan lah dalam kedua-dua pakej tadi, Pakej 2.

Yang ini kontraktor penyiap. So, kontraktor penyiap iaitu Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd., yang ini tandatangan kontrak pada 2 Julai 2008. Kontrak ini bagi tempoh, sorry, sorry- kontrak dengan Gadang pada 10 Oktober 2011 dan mereka masuk tapak pada 19. Projek ini 24 bulan dan tarikh siap asal mengikut kontrak 18 Oktober 2013. Pada masa ini juga terdapat dua EOT iaitu menyebabkan perlanjutan masa.

Yang pertama, iaitu diluluskan pada 16 Julai 2013 oleh JKR, melibatkan 341 hari. Nanti saya akan elaborate EOT ya. EOT kedua, 177 hari juga diluluskan pada 12 September 2014. Kedua-kedua ini telah pun diluluskan dan tarikh kontrak projek pada masa ini pun telah diubahkan pada 31 Mac 2015.

Tuan Pengerusi: Untuk nak clear sedikit Datuk Adanan, kontraktor penyelamat ini dia buat kerja ini ikut design yang asal la ya, tak berubah?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Totally ikut yang asal.

Tuan Pengerusi: Design asal itu ada defect, tak ada defect?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Defect itu daripada segi construction ada lah.

Tuan Pengerusi: Defect construction bukan defect design.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tak ada. Kita ikut, ikut...

Tuan Pengerusi: Fasal, fasal tempoh masa dia pun dah lari. Ada tak perubahan dari specs dan sebagainya?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya, ada lah certain yang mana outdated punya equipment itu kita probably...

Tuan Pengerusi: You, you, you changed and then you make the changes to the design.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: After discussing with Kesihatan lah?

Tuan Pengerusi: Okey lah, at least you discussed dengan client, okey lah. Satu lagi, mobilization apa semua untuk Gadang ini, kira tak ada lah kan? Dia ada juga mobilization fees ini ya.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ini maklumat am perunding yang terlibat dengan projek, 10 ya perunding.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Sebelum itu ya, bila kita *terminate* Sunshine ini, ada *feature of the bonds*?

Tuan Pengerusi: *Performance bond*.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Performance bond* kita *forfeit*.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Performance bond* memang kita rampas. Kita rampas. *And then...*

Tuan Pengerusi: Berapa jumlah dia?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: RM9.8 juta.

Tuan Pengerusi: RM9.8 juta.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Mengikut skop pengauditan, iaitu untuk melihat perancangan pelaksanaan dan pemantauan tetap pengurusan projek ini dan tempoh auditan pada bulan Disember 2013 hingga Mei 2014 lah ya. *So, we will* rujuk terus kepada report LKN.

Next. Ini penemuan Audit iaitu ada sembilan perkara yang enam ini, akan kita *deliberate* lah ya berhubung dengan teguran Audit. Ada tiga lagi, 7, 8, 9 yang ada lah Audit telah menyatakan memuaskan lah dengan kenyataan. *I will go through the first one.* Penemuan Audit pertama adalah tentang prestasi projek pembinaan. *So, yang ini isunya* adalah SFSB ditamatkan kontrak kerana;

Pertama, tiada kesungguhan untuk menyiapkan kerja, walaupun dua buah surat amaran telah dikeluarkan oleh JKR iaitu pada 20 Mei 2009 dan 15 Julai 2010. Itulah tadi kita sebut, notis penamatan kontrak dikeluarkan pada 3 september 2010. Pada masa itu prestasi projek semasa penamatan hanya 27% kerja, berbanding jadual pada masa itu, iaitu 33.1%.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Soalan ya. Amaran yang ini, dikeluarkan pada 20 Mei 2009 ini, masa itu ada EOT yang telah diluluskan. *At that point of time, EOT No. 2 was approved while you are also giving the warning letter to the contractor.* Jadi, *we are confuse* lah, kita kan. *You,* dalam masa yang sama EOT diberi dan surat amaran pula kita beri, bermakna kita tak puas hati dengan kerja dia. *So, what's really influence the JKR* untuk memberi *extension*?

Tuan Pengerusi: Akan tetapi penjelasannya, GESB kah SFSB? Kalau kita tengok bahagian penjelasan itu,

Datuk Farida bin Mohd Ali: Pertama, atas itulah SFSB.

Tuan Pengerusi: Oh, bukan GESB lah.

Datuk Farida bin Mohd Ali: Belum lagi. Lepas dari itu nanti kita...

Tuan Pengerusi: Yang kolum belah kanan tu kan.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tentang surat amaran itu, ini disebabkan kontraktor tak *progress* lah, tak berjalan kerja dengan lancar. Jadi surat amaran kita terpaksa keluarkan lah untuk memaksa kontraktor *work with more diligent* lah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *That's normal*. EOT isu lain eh?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: EOT kalau ada hak kontraktor, *contractually* lah, then kita akan *come to it* lah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Dan selepas daripada itu, GESB dilantik untuk menyiapkan kerja-kerja yang terbengkalai, diberi tempoh 24 bulan dengan harga RM410.87 juta dan juga projek ini tidak siap mengikut tempoh kontrak sehingga *Audit Report*. Dan penjelasan yang diberikan bahawa mengapa GESB lewat menyiapkan projek, tadi saya sebut;

Pertama, kelewatan mendapat bekalan air daripada SYABAS dan juga terdapat tunggakan bayaran bil air oleh kontraktor terdahulu iaitu SFSB, tidak menjelaskan sebanyak RM32,000.

Kedua tentang, Yang Berhormat bertanya tadi tentang *default* ataupun *defect of the project*, memang terdapat lah kerja-kerja rektifikasi rangka pintu, *the framework, the door* iaitu melibatkan 1,814 unit. *So when they came in, during the* pelantikan itu, *they estimated about 600, but* bila *on the ground*, bila dia buat kerja, didapati 1,814 unit pintu yang perlu dibaiki lah dan ini melibatkan 147 hari lah yang diberi. Seterusnya...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tanya sekejap ya. Sebelum kita, saya ini lebih minat kepada yang mula-mula ini, GESB ini penyelamat ya.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Kalau ikut Laporan Audit ini, saya nak tanya JKR. Satu, tiada pasukan khas dalam memantau *the first contract*. Dalam *the second one*, penyelamat dah ada pasukan khas. Itu persoalan ya, satu.

Yang kedua, yang inilah daripada JKR. Apakah sebab utama *that JKR decided* untuk menamatkan kontrak tersebut sebab EOT di bagi sampai 12 bulan- 2 November hingga 25/6/2011, *I mean* masih *on lagi* lah. Jadi apa, mungkin JKR mari cerita sikit lah kenapa yang sebenar-benarnya lah kontrak ini *determinate*. Sampaikan dia orang menyaman JKR ini, dalam *report* ini.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pasukan khas itu, semasa kontrak SFSB ini, kita ada dua orang je lah yang memantau projek ini. Kita tak ada *special team* yang duduk di tapak untuk *really supervise the work*. Sebab ini kerja-kerja kontrak ini adalah *deisgn and build* lah. *So, whereby consultant* adalah bertanggungjawab lah untuk memastikan kerja-kerja ini berjalan dengan lancar.

Sebab utama kenapa kontrak ini dimansuhkan adalah *because* mereka telah *abandoned the site, that means* tak ada kerja langsung di tapak. *So, we have no choice, tetapi we have to terminate the contract*. Sebab tak ada langsung kerja-kerja berjalan semasa itu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini tak pakai *record*...

■1240

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi sebenarnya siapa yang *supervise*, yang menjaga kepentingan JKR *at site, all the time*, yang bertanggung jawab untuk ini?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Lazimnya kalau *design and build* itu *is the consultant* yang *ensure that* kerja-kerja itu dilaksanakan mengikut *design* yang kita sudah persetujuan. So, *it's the consultant* punya tanggungjawab.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So consultant is appointed by the contractor?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *By the contractor.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *So you just leave it to them? You do not have updates kah, site meeting kah, where you get all the results?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Meeting ada. Meeting memang kita chair. We chair the meeting and we monitor closely. Akan tetapi daily supervision itu memang kita tidak buatlah.*

Datuk Farida binti Mohd Ali: Satu lagi adalah daripada segi kelewatan, yang ketiga, iaitu kelewatan kelulusan lukisan pelan reka bentuk dalaman bagi wad diraja. Ini mengambil masa 242 harilah. *This is the longest of all ya*, untuk mendapat perkenan. Juga item keempat ialah interaksi ruang data. *This room data interaction* yang perlu kita buat tetapi pada masa pengambilan *at the end of the contract with SFSB*, tidak sempat buat. So, maknanya perkara ini kena dilakukanlah. Jadi ini mengambil masa kerana melibatkan 2,400 buah bilik dan juga 16,600 item peralatan dan ini diberi masa 177 hari. So ini jawapan kenapa GESB lewat menyiapkan projek dan diberi EOT untuk meneruskan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kerja rektifikasi pintu ini, *is it a faulty design* kah ataupun memang maklumat asalnya itu tidak sesuai?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, yang pintu ini, *dimension* itu silap sedikit. Jadi *we need to hack* lebih kurang 2 inci, tetapi banyak pintulah. Itu masalahnya... *[Disampuk] Most of the measurement, non conformance.*

Tuan Pengerusi: Itu tadi saya tanya pasal *design*, awal-awal tadi. Maknanya ada *design problem* jugalah.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *The interpretation of the drawing.* Kadang-kadang pintu itu memang *size* ini... *[Menunjukkan isyarat tangan]* Akan tetapi masa dia buat dinding itu...

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya sarankan dalam mesyuarat PAC semasa Balai Polis Sentul, JKR patut pakai program *Building Information Modeling (BIM)* itu. *So that you can match the design dengan the drawing. Match it, so that* semua sekali *positioning of columns, beams*, pintu semua itu betul.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Satu lagi Tuan Pengerusi, kepada kedua-duanya mana yang hendak jawablah. Kelewatan kelulusan lukisan pelan reka bentuk dalaman wad diraja ini, dari manakah kelulusan ini? *You know what I mean.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *It was designed by the consultant, bukan?*

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *But JKR do not vet the design?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Kita go through. Kita tengok daripada segi compliance, saiz bilik dan sebagainya. So, kalau ia menepati, kita akan bawa ke...*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Fasal wad diraja inilah- itulah, okey.*

Tuan Pengerusi: Ya Datuk, teruskan.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Tindakan penambahbaikan seperti mana dinyatakan. Daripada apa yang berlaku, JKR telah pun menyediakan garis panduan pelaksanaan projek, maknanya *timeline* yang lebih munasabah. Seperti yang saya sebut tadi, *contract was for 24 months, but on the ground* mengambil masa lebih daripada itu kerana perkara-perkara yang disebutkan dan satu tempoh yang munasabah yang dicadangkan oleh JKR adalah selama 36 bulan hingga 40 bulan ataupun 42 bulan bagi pembinaan hospital dengan skop peralatan lengkap serta kuarters. *It is more complex. So the timeline maybe was not betul when we estimated 24 months* itu memandangkan kerja yang patut dilakukan oleh kontraktor adalah begitu *massive*.

Kedua, pasukan lengkap JKR. *After that*, JKR telah pun menyediakan *full team* untuk projek yang kompleks ini iaitu sebelas orang dengan pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Tadi disebut pegawai tapak bina di projek bagi setiap projek JKR dan di KKM juga kita telah mewujudkan *core team* dalam KKM terdiri daripada 15 orang yang memantau pelaksanaan projek daripada segi *timing, specification* dan sebagainya. *So team* ini memang ada untuk sentiasa *on call* bersama-sama dengan JKR.

Selain itu, *both* KKM dan JKR melakukan pemantauan berkala. Saya sendiri mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Peringkat Kementerian dan juga Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek (JKPP) di bawah ICU, selain daripada mesyuarat tapak dan juga lawatan-lawatan oleh kedua-dua Yang Berhormat, Menteri KKM dan KKR. Saya rasa dalam tempoh dua tahun itu, hampir enam kali kedua-dua Menteri dan Setiausaha turun padang.

Seterusnya, ini prestasi semasa projek. Pada 1 April, hari ini, kemajuan fizikal sudah hampir 99% *to reach the jadual* tetapi lewat 60 hari. Manakala kewangan, kita masih ada lagi berbaki RM55.9 juta iaitu ini akan dibuat pembayaran selepas projek-projek ataupun *equipment* dibuat T&C, baru kita buat pembayaran. *Next*.

Penemuan kedua tentang...

Tuan Pengerusi: Itu tadi yang 1% *late* itu, apakah yang *late* lagi itu?

Datuk Farida binti Mohd Ali: T&C.

Tuan Pengerusi: Oh! T&C. Tolong terangkan untuk *record* kita.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Testing and commissioning.*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Testing and commissioning* Tuan Pengerusi. Jadi, ia *actually* projek ini *we intend to complete in 31 March*, tetapi semasa bomba buat *the final inspection* bulan November tahun lepas, bomba memerlukan tambahan *sprinkler system* yang mana *we have to redo the ceiling* apa semua. Itu yang *held back* kita punya...

Tuan Pengerusi: Ini untuk dapat *certificate of practical completion (CPC)*?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Untuk *certificate of completion and compliance (CCC)*, ya.

Tuan Pengerusi: CCC. Untuk dapat CCC.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya. Kita terpaksa *redo ceilings* itu dan kita tidak boleh lagi buat *full integrated T&C*. Jadi untuk sekarang ini kita tengah laksanakan T&C, itu yang ada *delay* sedikit selama 60 hari.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi bayaran yang *certify* itu 13% masih *outstanding*lah? Kenapakah lambat bayar? Belum dapat lagi...

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Equipment* ini kosnya tinggi. *Once* kita sudah lulus T&C apa semua baru kita bayar *the full amount*. *At the moment* kita bayar daripada segi *supply* lah.

Tuan Pengerusi: *So warranty* semua adalah di bawah kontraktor?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yes, di bawah kontraktor.

Tuan Pengerusi: *No factory warranty, no supplier guarantee*?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Dia kena bagi juga, *but we hold the contractor* lah. Bab-bab daripada segi *equipment* itu memang ada *factory warranty* semua.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Next*. Penemuan Audit kedua adalah tentang pelantikan kontraktor. *So* dalam perkara yang dibangkitkan, SFSB secara rundingan terus oleh MoF, tadi dimaklumkan ditamatkan pada 3 September dan prestasi pada masa itu 27%. *So* yang ini, pendapat Audit bahawa tindakan JKR menamatkan kontraktor SFSB itu adalah tepat. Kalau tidak, *more delays* dan projek tidak dapat disiapkan.

■1250

So, seperti yang dinyatakan tadi dua buah surat amaran dikeluarkan. Surat kemungkiran kontraktor pun dikeluarkan. *This is the process* sebenarnya ya untuk kita menamatkan kontraktor lah. Pelantikan GESB dilaksanakan melalui tender terhad di kalangan petender yang diluluskan oleh MoF ya. Mengambil kira jugalah faktor pengalaman GESB yang telah pun menyiapkan projek Hospital Rehab Cheras sebanyak RM342 juta *also* projek JKR.

Tuan Pengerusi: *Restricted tender* berapa *company* itu hari?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang masuk tender adalah sebanyak *tenderer*.

Tuan Pengerusi: Enam *tenderer* ya? Mereka dipilih berdasarkan harga sahaja ataupun pengalaman?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Kita ambil kira pengalaman, kemampuan kewangan dan juga kos-kos tender itulah.

Tuan Pengerusi: Harganya dia *the lowest*?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Harga yang ditawarkan, GESB tawarkan ini adalah harga yang *the lowest, the lowest...*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *The lowest, yes.*

Tuan Pengerusi: Tender? Okey, baik terima kasih.

Datuk Farida binti Mohd Ali: So, tindakan penambahbaikan ya, kita mengesyorkan syarikat yang dilantik bagi melaksanakan projek pembinaan hospital hendaklah mempunyai pengalaman dalam pembinaan hospital yang berkaitan ya. *So, the example of the second company.* Juga untuk mewujudkan penarafan khusus untuk kontraktor pembinaan fasiliti kesihatan contohnya dalam hospital ya. Yang ini sangat penting dan juga mewujudkan kod bidang khusus untuk *medical planner* dan juga *medical equipment planner consultant, also critical* untuk satu projek hospital ya.

Next. Penemuan Audit ketiga tentang lanjutan masa EOT. Ini saya ingat kita dah jelaskan tadi ya sebab-sebab EOT dua kepada SFSB dan juga GESB ya. *Alright, next.* Keempat ialah tentang penamatan pengambilan kerja kontraktor. Jadi ini pun saya dah jelaskan tadi bahawa surat amaran kita telah dikeluarkan dan audit mengambil maklum lah ya. Notis SFSB- tadi disebut SFSB telah pun menyaman kerajaan melalui JKR pada 9 November 2012 kerana penamatan kontrak ini.

Sehubungan itu, JKR telah mengemukakan notis tuntutan kos kerugian kepada kerajaan berjumlah RM68.53 juta kepada SFSB pada 21 Februari 2013 ya. Untuk *update*, notis tuntutan kos kerugian ini dikemukakan kerajaan kepada SFSB adalah prosedur yang ditetapkan bagi semua kontrak kerja yang ditamatkan. *So, the right procedure* dan notis telah dikeluarkan pada 21 Februari 2013 dan jumlah tuntutan ini perbezaan ya *the cost* perbezaan kepada kerajaan iaitu kos penyiapan semula projek dan juga kos mempelawa semula tender.

Jabatan Peguam Negara Malaysia sedang mengendalikan kes saman terhadap SFSB dan juga tuntutan balas kerajaan. Tarikh perbicaraan sepatutnya diadakan pada 23, 26 Mac yang lalu tetapi telah ditangguhkan sehingga satu tarikh ya. *Next.* Ini prosedur proses ditunjukkan mengikut garis panduan kerja raya pada 4 Oktober 2006. Surat peringatan, surat amaran dan seterusnya surat peringatan lewat kerja sebelum kita beri notis untuk tujuan penamatan dan akhirnya dikeluarkan notis untuk tamat kerja-kerja kontrak.

Next. Penemuan Audit kelima adalah tentang pelarasan peningkatan kos projek. Ini yang saya rasa *query* tentang bagaimana ya kos projek ini telah meningkat kepada RM68.25 juta iaitu hampir 14% ya disebabkan pelantikan GESB lah sebagai kontraktor penyiap.

Sebab-sebab bagi peningkatan kos nombor satu, menyiapkan baki kerja yang disediakan. Kos kerja awalan ya yang perlu dilaksanakan ialah *that means you have to repeat the same process* kerja-kerja awal ini.

Kedua, kos pembaikan kerja yang telah dibina tetapi tidak lagi selamat untuk diteruskan ya. Contohnya berlaku sebab cuaca, vandalisme, kerja-kerja yang belum sempurna, reput, *then* kena buat balik ya. Juga terdapat penambahan skop kerja iaitu pembinaan jejantas dan yang akhir sekali kenaikan harga disebabkan inflasi iaitu kenaikan mendadak harga bahan-bahan binaan ya dinyatakan sebanyak 30% ya pada masa itu ya.

So, perkara ini pun juga telah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi lah sebab kita memerlukan peruntukan tambahan dan EPU juga telah mengesahkan lah ya bahawa peruntukan ini wajarlah dengan kenaikan kos hampir sebanyak 15% ya kepada projek ini. Saya tunjukkan dia punya pengiraan ya. So, kos projek asal RM482.6 juta, bayaran yang telah dibuat kepada SFSB RM139.98 juta dan baki kos RM342.62 juta. Jadi untuk kos menyiapkan kontrak penyiap tadi berjumlah RM410.87 juta. Jadi terdapat perbezaan RM68.25 juta ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang ada kos tertinggal kah?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Satu lagi tadi kenaikan harga ini tadi ada JKR cakap fasal *some of the equipment* itu kena ubah, *is it?* Ada tadi. *Equipment* sebab dah kira inilah dah diubah baru daripada spesifikasi awal.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ini dah termasuk dalam RM410 juta itulah yang kontrak penyiap itu.

Tuan Pengerusi: Kos penyiap itu adalah termasuk kos pembinaan dan juga kos peralatan dan juga modifikasi kepada kedua-dua item inilah. Okey, terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Okey, kenaikan harga binaan tadi *with an extension of time was given does not that increase the cost of the project?* Ada *price variation* ya? Ada VO tak?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, masa kontrak pertama itu?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ya.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang itu kita belum sempat lagi untuk bagi *the variation of price* lagi so, kita dah tamatlah.

Tuan Pengerusi: Ada *variation price* ya? *Variation price* RM6.9 juta, kan?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang kontrak baru Yang Berhormat. Itu kontrak baru.

Tuan Pengerusi: Dimaklum sini ada RM6.9 juta kos *variation of price*. Apakah itu?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang tak termasuk dalam RM410,870,000 itu.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tak masuk Yang Berhormat, tak masuk.

Tuan Pengerusi: Apakah itu? Kalau boleh terangkan pada jawatankuasa.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ini saya rasa *variation of price* itu semasa *we start the contract, we have a certain harga. Let say harga simen lah. So, over the time harga simen akan naik, so kita akan bayar the difference lah. Itu dipanggil variation of price lah.*

Tuan Pengerusi: Datuk kata tadi dah termasuk dalam RM410 juta Yang Berhormat Limbang tanya tadi.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Mungkin saya minta pegawai saya *explain that RM9 million.*

Tuan Pengerusi: Sila bagi nama ya.

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir [Wakil Pengarah Projek Hospital Shah Alam]: Yang Berhormat Pengerusi, nama saya Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir, pegawai di tapak bina sebagai wakil pengarah projek di sana lah.

Tuan Pengerusi: *Project manager lah, site ya?*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Di *site.*

Tuan Pengerusi: *Site Manager...?*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: *Site Manager.*

Tuan Pengerusi: *Project Manager bukan you lah?*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: "*Project Director*", dipanggil.

Tuan Pengerusi: *Project Director.*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Dalam kontrak ini saya wakil Pengarah Projek, *Project Director lah.*

Tuan Pengerusi: *Project Director okay, alright.*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Untuk kontrak RM410.87 juta adalah harga yang ditawarkan, harga tender dan itu adalah sebagai *basic*. Semasa tender itu, kita ada indeks untuk barang-barang. Katakanlah masa tender itu satu. Akan tetapi sekarang ini barang itu dah naik jadi 1.2. Jadi VOP yang RM9 juta itu adalah *that 0.2 yang increase in price* yang mana kita terpaksa buat bayaran kepada kontraktor. Biasanya ini kita ambil dalam kita punya duit ATDA. Masa kita tender itu kita dah mengambil kira dia punya kenaikan-kenaikan ini.

■1300

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi masa *final* kontrak kos?

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Ini...

Tuan Pengerusi: Kalau *figures* di depan saya ini, ia yang *figures* yang semua tertulis itu betul. Cuma ada satu lagi *variation of price*. Sepatutnya peningkatan kos projek ini RM68.25 juta campur lagi RM6.9 juta. Betulkah?

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Sebab Tuan Pengerusi, sebab *price* yang itu buat masa ini kita tidak dapat *final* lagi sebab ia masih *on going* lagi kontrak. Jadi kita tidak dapat kira lagilah *the final one*.

Tuan Pengerusi: *So when you sue Sunshine nanti, you only sue for RM68 million sahajalah? You do not sue for RM68 million plus yang extra RM6.9 million inilah? Extra RM6.9 million ini Gadang punyalah?*

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Ya Gadang punya.

Tuan Pengerusi: Gadang punyalah.

Encik Wan Mohd Saipallah bin Wan Kadir: Yes.

Tuan Pengerusi: Maknanya betul. Yang Berhormat Limbang tanya itu ada lagi tertinggal. Jadi maknanya sekarang ini, kos projek ini kalau dikira kerugiannya RM68.25 juta campur dengan RM6.913 juta. Betul atau tidak *statement* ini?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Tuan Pengerusi, *if I may check with the JKR because* dalam ini memang kita nyatakan kos yang terbaru setelah mengambil kira harga kontrak baru ialah RM410.87. Jumlah bayaran yang telah dibayar kepada SFSB sebelum ditamatkan, yang tadi yang saya sebut RM139.98 termasuk pendahuluan RM9.58 juta...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *that is the figure here* yang saya ada, ia punya tajuk *valuation of price, RM6.913 million*.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Oh! Kalau yang itu dalam ATDA. ATDA ini tidak masuk dalam kontraklah. Itu kita akan kira selepas tamat kontrak nanti kita akan kiralah *what is the additional cost*.

Tuan Pengerusi: *You claim* daripada siapa ataupun ini *you* punya kos?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tidak. Sepatutnya *it will be the part of the contract costlah, will be the total contract cost*.

Tuan Pengerusi: Maknanya *is it correct* kalau cakap setakat ini, *you* punya kos tambahan ialah *RM68.25 million* campur dengan *RM6.91...*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Should be regressive*.

Tuan Pengerusi: Setakat ini, akan tetapi yang RM6.9 boleh berubah lagi?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ia boleh naik atau boleh turunklah.

Tuan Pengerusi: Oh! Ini macam *you* punya *provision*lah.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yes, yes.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *This is a price variation order*. Ikut indeks yang dikeluarkan oleh *consumer* tiap-tiap bulanlah.

Tuan Pengerusi: *But it does not mean that you will use it?*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak. Ia akan kalau harga indeks naik, harga barang naik, sebab masa kontraktor- oh! Sayalah [Ketawa] JKRIah *explain, your QS*lah *explain* [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tidak mengapalah. Yang Berhormat Limbang boleh *explain*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Your QS*, ada wakil QS atau tidak? *Explainlah PVO* [Ketawa]

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Betul Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang tukar topik sekejap. Saya bukan kontraktor so saya tidak faham hal ini tetapi untuk mesyuarat ini, kalau boleh PAC hendak tentukanlah beberapa jumlah kos *overrun, extra cost* yang sebenarnya. Maknanya, *basicnya RM68.25 plus this variation of price order* ini *which you* tidak tahu lagi berapa ia punya *figure* tetapi dianggarkan lebih kurang RM6.91 juta.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Lebih kuranglah, *yes*.

Tuan Pengerusi: Maknanya, *at the final account, it will be more than RM68.25 million*lah?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *It can be more, it can be less*.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *More or less*.

Tuan Pengerusi: Poin indeks turun. Okey.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Mungkin ada harga barang yang turun, *then probably it will be...*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *la balance*.

Tuan Pengerusi: *la plus or minus*lah.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *Yes, yes*.

Tuan Pengerusi: Okey, tetapi ...

Datuk Farida binti Mohd Ali: *At the moment we use*.

Tuan Pengerusi: *For the report, we used RM68.25 million, okay. Alright*.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Okey, *so next*. Kenaikan harga kontrak baru telah dapat kita kawal kerana pelantikan kontraktor baru melalui proses tender terhad yang mana petender perlu bersaing untuk menawarkan harga yang *competitive*. *So that is a safe clause* ya.

Okey, *next*. Penemuan Audit yang keenam mengenai kualiti pembinaan yang mana dalam lawatan Audit pada Disember 2013, kemajuan kerja fizikal adalah memuaskan dan kualiti kerja iaitu pembinaan juga memuaskan. Cuma di lawatan kuarters pada kategori Kelas 'E', terdapat perabot kabinet di setiap tingkat dipasang berdekatan dengan kipas siling dan di dalam gambar laporan itu ada menyatakan 17cm jauhnya, ya. Maklum balas yang kita sedia maklumkan bahawa pemasangan perabot tersebut sebenarnya mematuhi lukisan pembinaan yang digunakan secara umum.

Setelah pada teguran Audit tersebut, modifikasi telah pun dibuat bagi menjamin keselamatan dan juga menepati *good engineering practice*. Kerja-kerja penambahbaikan tersebut telah pun disempurnakanlah oleh JSP pada 27 Januari 2015.

Seterusnya, bagi penemuan ketujuh iaitu perolehan peralatan perubatan. *Next*, okey. So dalam Laporan Audit dinyatakan, sehingga Disember sebanyak 596 peralatan perubatan telah pun diterima dan dibayar sebanyak RM11.4 juta. Audit memaklumkan terdapat peralatan perubatan yang diterima belum dibuka daripada kotak asalnya kecuali beberapa peralatan besar dibuka semasa pemeriksaan Audit bagi membuktikan kewujudan peralatan tersebut. JKR memaklumkan bahawa kesemua peralatan tersebut belum dibuat *testing and commissioning* (T&C) kerana pada masa itu hospital belum siap dan tempoh waranti peralatan perubatan akan bermula selepas sijil T&C dikeluarkan. Jadi dalam skop kontrak hospital ini, terdapat sebanyak 95 buah pakej peralatan perubatan yang akan dibekalkan dan melibatkan peralatan perubatan sebanyak 1,460 item merangkumi 16,616 peralatan.

Sehingga 28 Februari *this year*, sebanyak 918 kod item daripada 1,460 tadi ataupun 14,017 unit telah pun diterima dan bayaran sebanyak RM73.3 juta telah dibayar, dijelaskan. Masih ada lagi baki sebanyak 2,445 unit ataupun peralatan daripada 30 item yang akan dibuat TSA. Ini melibatkan item-item yang *loose item* dan *plug play*, tidak *fix item*. So bayaran-bayaran akan dibuat berasaskan *material on site* dan bayaran sepenuhnya dibuat setelah T&C diluluskan dan dilaksanakan. So *insya-Allah*, bulan April ini, satu bulan, T&C akan dilaksanakan untuk *equipment* tersebut.

Okey, Penemuan Audit yang kelapan pula adalah mengenai penyimpanan peralatan perubatan yang mana pemeriksaan Audit pada 18 Disember mendapati peralatan perubatan disimpan di dalam kotak, masih dalam tempoh waranti pembekal dan belum dibuat T&C. Jadi tidak dapatlah kita hendak pastikan peralatan tersebut boleh berfungsi dengan baik. Tahap kawalan keselamatan terhadap peralatan perubatan didapati memuaskan kerana telah disimpan dalam stor yang berkunci dan dikawal oleh pegawai keselamatan. Peralatan elektronik ditempatkan di bilik yang berhawa dingin dengan penjagaan yang rapi, selamat dan bersih.

Jadi, prosedur penyimpanan ialah menepati syarai-syarat kontrak yang diguna pakai iaitu *Storage Accommodation* dan setelah semakan terperinci dibuat dan menepati peruntukan kontrak, peralatan tersebut akan diklasifikasikan sebagai *material on site* dan sebahagian bayaran akan dibuat. Sepanjang tempoh penyimpanan sehingga pemasangan lengkap dibuat, apa jua kerosakan dan kehilangan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor sepenuhnya. Penerimaan oleh pihak kerajaan dan juga bayaran penuh akan dibuat setelah peralatan dipasang didapati berfungsi, dia *test* dengan baik dan juga diluluskan T&C ya. Okey, seterusnya.

Penemuan Audit yang kesembilan iaitu tentang pemantauan projek. Ini pun dibangkitkan tadi. Semakan Audit mendapati semasa projek dilaksanakan oleh SFSB, JKR tidak mempunyai pasukan projek khas di tapak projek. Sudah pun dijelaskan oleh Datuk Ir. Haji Adanan.

Selanjutnya mendapati pemantauan kerja pembinaan oleh JKR terhadap kontraktor penyiap adalah begitu memuaskan kerana kemajuan kerja fizikal dan kewangan mendahului jadual yang ditetapkan. JKR juga telah mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek untuk memastikanlah mesyuarat tapak dan juga laporan bulanan diadakan secara berkala. Sekarang JKR juga telah mengadakan pemantauan melalui sistem skala yang merangkumi maklumat asas kontrak, nilai kerja, pra kontrak, kewangan dan juga barang-barang interim.

■1310

Jadi pemantauan projek semasa kontrak SFBSB, untuk diperjelaskan lagi dilaksanakan di peringkat ibu pejabat. Akan tetapi dengan dua orang pegawai tapak diletakkan sepenuh masa di tapak projek bagi tujuan audit pembinaan. *So, we have the consultant of the contractor but we also have two pegawai tapak by JKR.* Pemantauan projek semasa kontrak GESB diletakkan di bawah pasukan khas projek JKR. Iaitu yang disebut tadi 11 orang yang lengkap bagi tujuan pemantauan yang lebih rapi dan berterusan. Ini tindakan yang telah diambil. Begitu juga pihak KKM telah mewujudkan *core team* seramai 15 orang dalam pasukan ini khusus bagi projek ini. Meliputilah pakar-pakar dalam bidang-bidang yang disebutkan. Mereka akan terlibat apabila kerja-kerja pemasangan atau auditan dan sebagainya di bilik-bilik tersebut, mereka akan hadir bersama dengan JKR. *Next.*

Izinkan saya untuk menjelaskan sedikit tentang perancangan pengoperasian hospital. *Insyallah, the official handling of the project* pada akhir bulan Jun. Ini yang dinyatakan oleh pihak JKR dan selepas itu kita mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk *staff mobilization, work process, patient flow, ICT system integration* dan mula *outpatient services* dan juga *medical day care services* pada bulan Oktober. Bulan November akan mula *in-patient services on a small scale, testing* ya dan juga *hemodialysis*. Pada hujung tahun 2015 dan awal tahun 2016, *we hope to start the full in-patient services, the emergency, OT, critical care services, labour room* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Bilik PAC pun ada juga di situ?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ya?

Tuan Pengerusi: Bilik PAC pun ada dekat hospital ini? Itu PAC lah sekali itu. *[Ketawa]*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Most welcome, most welcome. Pre antenatal care. Okay, all right. Okay, next.* Untuk makluman juga Yang Berhormat, status perjawatan. *So, hospital ini kita sudah jangka akan siap dan kita telah pun mendapat kelulusan perjawatan daripada JPA, terima kasih. Jawatan sebanyak 1,225 dan dimensi pengisian hampir 70%. So, we are waiting. The moment it full swing, full pengisian dan juga tambahan seterusnya. Okay, next.*

The way forward, berdasarkan semua perkara yang telah pun kita lihat dalam Laporan Audit ini, perkara pertama iaitu pelantikan kontraktor yang berpengalaman dan berkecukupan dalam pembinaan fasiliti kesihatan serta mempunyai prestasi kerja yang baik.

Perkara ini telah pun saya bangkitkan dalam mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara dan memaklumkan bahawa kita perlu melihatlah secara serius. Oleh sebab pembinaan hospital ini adalah jauh berbeza dengan pembinaan sekolah contohnya. *They're very complicated, unique* dan juga *very complex*. Kedua adalah satu lagi, *yes*?

Tuan Pengerusi: *This job is very specialize*. Oleh sebab itu selalunya orang *separatekan between building contractor* dengan M&E. Itu fasal M&E itu *very specialize*. Kalau *award* pada satu *company* sahaja suruh buat semua nanti ia ada ia punya masalah. Akan tetapi kalau *award* kepada dua *company*, ada pula ia punya *coordination problem* pula.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Betul.

Tuan Pengerusi: Jadi sebenarnya kepada JKR. Tadi Yang Berhormat Telok Kemang ada sebut, alasan ini kita sudah dengar selalu daripada lima tahun dulu pun. Saya dengan Yang Berhormat Telok Kemang, dengan Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Tuaran pun sudah dua kali duduk dalam PAC, dua penggal. Kita dengar banyak ulang tayanglah.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kita harap kali ini betul-betul dapat dilaksanakan *especially* pembinaan hospital ini.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Betul, *specialize*.

Tuan Pengerusi: *Specialize construction job*.

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Very specialize*. Kedua, adalah perlu hasil kerjasama erat *between JKR and KKM core team* bersama kontraktor perunding bagi projek yang *complex*. *So, this is where we must sit down. The four parties or five parties must sit down before they deliver the project to the end user. So, kita KKM sebelum menerima, kita hendak pastikanlah all the critical items dan checklist itu dipenuhi sebelum diserahkan. So, we have learnt that lesson very well.*

Juga terdapat tadi dalam penjelasan tadi tentang keperluan bomba ya. *So, yang ini berlaku ketika bangunan sudah siap. Mereka insist, we have asked for rayuan. Saya sudah menulis surat kepada KP Bomba dan sebagainya tetapi ditolak kerana mereka mengatakan itu dalam akta. Akan tetapi it was only enforced recently. So, because of that we had to undo, buka balik siling and we cannot bring in our equipment. So that is the cause of the delay. So we hope in the future perkara ini telah dibincang di peringkat KSN supaya KPKT dan bomba dan semua agensi pihak berkuasa tempatan untuk maklumkan kepada kami, user dan agensi pelaksana, apa perkara yang mereka perlukan.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Hendak tanya sikit ya?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *When you talk about bomba, selalunya bangunan, lukisan pelan ini sebelum apa-apa diluluskan, it goes through bomba apa semua. Ada dibuat kah yang awal-awal dulu?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Memang sudah lulus sudah tetapi masa itu dia tidak komen. Akan tetapi apabila *it comes for inspection*, baru dia kata kena tambah itu, kena tambah ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Akan tetapi dia luluskan?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Luluskan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Pegawai bertukar, selepas itu pegawai tidak mahir. Selepas itu *client* pula tidak *engage* dengan bomba selepas itu. Apabila sudah siap baru hendak *engage*, masa itulah jadi masalah. Semua pegawai baru, bomba tidak hendak ambil tanggungjawab. Keperluan *sprinkler* ini pun memang baru ini sahaja *the whole building must be provided with sprinkler*.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Baru. *In fact, a few of hospital* terlibat Yang Berhormat. So, kita kena akurlah, kena buat. *Additional cost to us*.

Tuan Pengerusi: Okey. Termasuk hospital dekat kawasan saya, Sultanah Aminah okey ya? HSA dekat Johor Bahru, okey ya?

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Not, not-* akhir sekali tempoh pembinaan yang tadi. Kita ketahui bahawa *24 months is not a realistic timeline. Most project*, kami pun juga *as end user* kita bergantung juga kepada *estimate time frame from JKR*. Itu yang kita gunakanlah untuk *report our progress of the project*. So, *this time I think JKR is working hard on this to identify more realistic timeline for 'A' project*. Next.

Tadi saya ada sebut tentang ketiga-tiga perkara ini, penarafan khusus. *Okay, next*. Boleh saya tunjukkan sedikit visual hospital pada masa ini ya... *[Merujuk paparan slaid]* *This is* pandangan hadapan. *Side*, ini blok utama di *the general admin. Admission, the revenue department, specialist clinic, pathology lab. This is the Engineering Department, Catering Department, the auditorium, Ophthalmology Specialist Clinic*. Ini *Imaging Department, the equipment are all there. NICU, O&G, Dental Specialist Clinic, OT* kita ada sepuluh ya. *Okay, next. CSSD...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Farida binti Mohd Ali: *Sterile Department. Okay, this is obstetric ward, general surgery. Okay, this is the clinic. Surgical ward, medical ward, orthopedic ward, pediatric ward, kanak-kanak. This is mortuary, first class ward*. Sekian.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Kepong mungkin ada soalan. Dia doktor, dia hendak tanya juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang banyak soalan cuma soalan pokok di sini yang utama. Apakah kelemahan-kelemahan yang utama yang pokok dalam projek ini?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, mungkin salah satunya pemilihan kontraktor yang sesuaiilah untuk pembinaan hospital ini. *Because hospital is a very complex building*.

Jadi kita perlu ada kepakaranlah *especially* kontraktor, *because involved* pelbagai jenis peralatan *equipment* dan kepakaran daripada segi *medical* pun berbeza-beza. *So, and then* daripada segi M&E, ia pun pelbagai. *In fact*, kalau kita buka siling itu pun macam-macam *services* dalam itu. *So, it's a very complicated job*. Jadi kita perlu adakan kontraktor yang *experienced* dalam pembinaan hospital, untuk membina apa-apa hospital.

■1320

Dr. Tan Seng Giaw: Itu soalan pokok. Jadi, kalau macam itu, siapakah yang sebenarnya melantik Sunshine ini?

Seorang Ahli: MoF.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Kita terima arahan sahaja, Yang Berhormat. Kita tidak *propose any name*.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada wakil MoF di sini atau tidak?

Tuan Pengerusi: Dia siapa yang dorong MoF lantik itu, itu lain [*Ketawa*] Jawablah, jawablah...

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi punca utama kesalahan ini datang daripada pelantikan Sunshine melalui MoF. Itulah punca utamanya ya dan bagaimana kita boleh elakkan daripada berulangnya masalah seperti ini?

Tuan Pengerusi: MoF jangan guna kuasa sewenang-wenangnya [*Ketawa*]

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Mungkin Yang Berhormat Datuk KSU sudah *mention* tadi, *probably we need to have specialized registration* untuk dalam bidang *healthcare*.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam itu MoF melantik, dia tidak kira kepakaran. Macam mana kita elakkan itu?

Datuk Farida binti Mohd Ali: Yang Berhormat, itu yang saya cadangkan tadi, cadangan penambahbaikan. Kalau boleh untuk hospital, saya tidak tahu *about other facilities, but for hospitals, we need to have specialized contractors*, sekurang-kurangnya dia mempunyai pengalaman dan mereka mengambil orang-orang yang pakar dalam *building hospital*.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham, ini bukan kesalahan Datuk.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Kita *propose* kepada MoF.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan kesalahan Datuk. Kedua-duanya pun tidak salah di sini. Hanya cuba hendak jawab sahaja. Akan tetapi itulah macam mana kita ini boleh elakkan daripada berlaku masalah seumpama ini berulang?

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*] [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan William Leong Jee Keen: Saya hendak cuba tambah jugalah ya. Pelantikan yang asal *is a direct nego and* untuk pelantikan Gadang itu secara *restricted tender*. *So*, sebagai iktibar, boleh kita mengadakan satu syor bahawa tender adalah lebih berkesan dalam pelantikan untuk *project complex* kerana perundingan terus kita melihat ada masalahnya. *So, maybe there is one of the recommendation that you can make*.

Tuan Pengerusi: *I think restricted tenderlah because it is very specialized job. So not many contractors can actually do it. If you want to do it as combined construction, building construction dengan M&E punya contract together, itu saya setuju. Saya hendak minta betulkan sedikit tadi, isu fasal surat yang melantik kontraktor. Ini isu awal tadi. Jadi tadi Audit minta saya betulkan. Tahun 2001, yang keluar itu, LOA bukan, daripada kementerian pergi kontraktor tetapi kontrak disigned oleh JKR selepas itu.*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang 2001 JKR tidak *involve* lagi.

Tuan Pengerusi: JKR tidak *involve*.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Kita 2007.

Tuan Pengerusi: Ada surat yang tadi, Audit tunjukkan kepada saya, surat daripada Kementerian Kewangan keluarkan LOA kah atau LOI itu? LOI, LOI. Jadi maknanya, *Letter of Intent*. Bukan luluskan kontrak ini kepada Sunshinelah. LOI. LOI kalau tidak sampai LOA, dia tidak sampai kontrak.

Okey, ada soalan lain? Jadi kesimpulannya Datuk, kami faham isu yang sebenar dan kami faham bahawa kegagalan projek ini bukanlah kegagalan daripada kementerian sendiri, tetapi masalahnya nanti kalau pada umum, salahnya akan diletakkan kepada kedua-dualah, JKR dan KKM. Akan tetapi kami di PAC, kami faham dan penjelasan yang telah Datuk berikan tadi, akan dibukukan, akan dimasukkan ke dalam *Hansard*. Saya rasa akan lebih memberi penjelasan yang lebih baik kepada pembaca laporan tersebut mengenai isu yang sebenar.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Datuk kerana telah sudi untuk berdepan dengan kita pada hari ini dan memberikan penjelasan yang saya rasa munasabah dan boleh diterima dan JKR sudah habis tanggungjawab, hendak tinggal *last, last* sudah. Sekarang ini, KKM pula lah. Kita akan doakanlah pembukaan hospital ini pada bulan Jun ya? Jun, selepas itu sampai September baru....

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, yang Jun itu penyerahan tetapi KKM kena *mobilize* dulu. So, mungkin Oktober baru *outpatient*.

Tuan Pengerusi: Oktober baru *opening*lah yang sebenarnya.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Semua *opening*lah, *small scale* dan Januari 2016, baru *full scale*.

Tuan Pengerusi: Fasal *reporter* akan tanya saya soalan itu. Jadi, okey. Maknanya, *pre-opening*, Oktober. *Full opening*, Januari 2016. Okey. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Datuk-Datuk ya.

Datuk Farida binti Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.26 petang.]




**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



JABATAN AUDIT NEGARA



PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



1 April 2015

LATAR BELAKANG

- Objektif pembinaan hospital ini antara lainnya adalah bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.
- Pemilik projek adalah KKM manakala JKR pelaksana projek.
- Pelantikan Sunshine Fleet Sdn. Bhd. (SFSB) secara rundingan terus (Reka dan Bina) mulai 15 November 2007 hingga 14 November 2010 dengan kos projek RM491.6 juta.

LATAR BELAKANG (samb...)

- SFSB gagal menyiapkan projek dan ditamatkan pada 3 September 2010 dan sejumlah RM139.90 juta telah dibayar berdasarkan 27% kemajuan kerja.
- Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. (GESB) dilantik sebagai kontraktor penyiap pada 10 Oktober 2011 bagi menyiapkan projek terbengkalai ini (melalui tender terhad) berjumlah RM410.87 juta dan tempoh siap adalah selama 24 bulan bermula dari 19 Oktober 2011 hingga 18 Oktober 2013.

3

OBJEKTIF PENGAUDITAN

untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan Hospital Shah Alam (HSA) telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4

SKOP PENGAUDITAN

- Skop pengauditan terhadap pengurusan projek pembinaan HSA dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan kontrak oleh kontraktor penyiap (GESB).
- Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan (KKM), Ibu Pejabat JKR, Caw. Kerja Ukur Bahan dan Caw. Kerja Kesihatan.

5

METODOLOGI PENGAUDITAN

- Semakan fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek.
- Lawatan ke tapak projek, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai Kementerian, JKR dan kontraktor penyiap.
- Bagi menilai pelaksanaan kerja SFSB, pemeriksaan Audit berdasarkan kepada fail projek, laporan kemajuan kerja dan dokumen kontrak yang berkaitan.
- Bagi GESB, selain semakan fail dan dokumen projek pemeriksaan Audit juga melibatkan lawatan fizikal ke tapak projek.

6

PENEMUAN AUDIT

7

1. PRESTASI PROJEK PEMBINAAN

- Mengikut syarat kontrak, projek HSA yang ditandatangani pada 2 Julai 2008 antara Kerajaan dengan SFSB perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu daripada 15 November 2007 hingga 14 November 2010. Bagaimanapun, mengikut Laporan SKALA JKR bertarikh 2 September 2010 kontraktor hanya dapat menyiapkan 27% sahaja kerja berbanding jadual 33.1% bersamaan 62 hari lewat.
- Dalam tempoh tersebut, JKR telah meluluskan 2 kali lanjutan masa dan tarikh siap kerja yang dilanjutkan adalah sehingga 25 Jun 2011. Berdasarkan Laporan Kedudukan Semasa Projek HSA bertarikh 31 Julai 2013, pihak JKR melaporkan tiada kesungguhan ditunjukkan oleh SFSB untuk meneruskan kerja walaupun dua Surat Amaran telah dikeluarkan iaitu masing-masing pada 20 Mei 2009 dan 15 Julai 2010. Lanjutan itu JKR telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 3 September 2010 kepada SFSB.

8

1. PRESTASI PROJEK PEMBINAAN (samb...)

- Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, pihak JKR dengan persetujuan MOF telah melantik GESB secara tender terhad bagi menyiapkan kerja yang terbengkalai-HSA dalam tempoh 24 bulan bermula pada 19 Oktober 2011 hingga 18 Oktober 2013 dengan harga kontrak bernilai RM410.87 juta.
- Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut tempoh sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak disebabkan antaranya kelewatan mendapat bekalan air daripada syarikat SYABAS, kerja rektifikasi rangka pintu yang telah dipasang dan tiada kelulusan lukisan susun atur wad diraja.
- Lanjutan itu, pihak kontraktor telah memohon beberapa kali lanjutan masa tetapi pihak JKR hanya meluluskan tempoh lanjutan masa selama 341 hari bertarikh 3 Julai 2013 dengan tarikh baru projek siap pada 24 September 2014.

9

1. PRESTASI PROJEK PEMBINAAN (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

JKR merupakan Pengarah Projek bagi Projek Pembinaan Hospital Shah Alam. Oleh itu JKR mempunyai kuasa dari segi pentadbiran Kontrak untuk memastikan projek dipantau dan disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Sehingga 25 Julai 2014 kemajuan fizikal pelaksanaan projek di tapak telah mencapai 91% (Sebenar) berbanding 97% (Jadual). Lanjutan masa yang diluluskan kepada GESB adalah berdasarkan kelayakan mengikut syarat-syarat kontrak dan dasar semasa Kerajaan. EOT diluluskan di bawah Klausula berikut:

- i. Kelewatan mendapat bekalan air daripada syarikat konsesi air (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausula 49.1(f)). Perkhidmatan air tidak dapat dibekalkan oleh SYABAS kerana terdapat tunggakan bayaran bil oleh kontraktor terdahulu (SFSB). Tempoh layak yang diberi adalah selama 21 hari.*

10

1. PRESTASI PROJEK PEMBINAAN (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- ii. Kerja rektifikasi rangka pintu yang telah dipasang oleh kontraktor terdahulu (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausula 49.1(i)). Kerja ini adalah Non Conformance Record (NCR) kontraktor terdahulu (SFSB). Pemeriksaan sebenar mendapati sebanyak 1,814 bilangan pintu terlibat. Tempoh layak yang diberi adalah sebanyak 147 hari. Kerja ini tidak melibatkan kos tambahan kerana kos rektifikasi telah diambil kira oleh GESB dalam kontrak.
- iii. Tiada kelulusan lukisan susun atur wad diraja (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausula 49.1(e)). Kelulusan lanjutan masa ini diberikan bermula dari tarikh mengemukakan konsep hiasan dalaman oleh GESB pada 3 Januari 2012 sehingga persembahan rasmi kepada Istana (pengesahan dan kelulusan layout) pada 21 Mac 2013. Secara keseluruhannya, tempoh layak yang diberi adalah sebanyak 242 hari.

11

STATUS TERKINI PROJEK HSA

1. STATUS KEMAJUAN PROJEK SEHINGGA 15 MAC 2015

Sumber : JKR Cawangan Kerja Kesihatan

KEWANGAN	PERBELANJAAN (%)
Kemajuan Jadual	98.96
Kemajuan Sebenar	85.57
Perbezaan	- 13.39
Cepat/ (Lewat) - Hari	(66)
FIZIKAL	KEMAJUAN (%)
Kemajuan Jadual	99.87
Kemajuan Sebenar	97.42
Perbezaan	- 2.45
Cepat/(Lewat) - Hari	(70)

2. STATUS SIAP PROJEK

TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SELEPAS EOT 1	TARIKH SIAP SELEPAS EOT 2
18.10.2013	24.09.2014 (341 Hari)	31.03.2015 (177 Hari)

12

1. PRESTASI PROJEK PEMBINAAN (samb...)

PENDAPAT AUDIT

- JKR perlu menyelia kerja-kerja kontraktor dengan lebih rapi supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Kontraktor yang dilantik hendaklah bertanggungjawab melaksanakan projek mengikut kontrak yang telah ditandatangani bagi mengelakkan operasi hospital terjejas dan seterusnya menjaga imej Kerajaan.

13

2. PELANTIKAN KONTRAKTOR

- JKR telah mengeluarkan semula surat niat pada 27 Julai 2006 bagi melantik SFSB untuk melaksanakan projek HSA. Kos projek yang dipersetujui bagi Pakej I berjumlah RM9 juta dan Pakej II berjumlah RM482.6 juta.
- Lanjutan daripada penamatan kontrak SFSB pada 3 September 2010, JKR telah mengeluarkan SST kepada GESB pada 10 Oktober 2011 bagi menyiapkan kerja-kerja yang terbengkalai di HSA dengan kos berjumlah RM410.87 juta.
- Kontraktor ini berdaftar dengan CIDB dan PKK serta mempunyai pelbagai pengalaman dalam bidang pembinaan sebelum melaksanakan projek terbengkalai HSA antaranya seperti projek pembangunan infrastruktur dan pembinaan Hospital Rehabilitasi Cheras.

14

2. PELANTIKAN KONTRAKTOR (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- *Sehingga penamatan SFSB pada 3 September 2010, bayaran sejumlah RM139.9 juta telah dibuat kepada SFSB. Bagi menyiapkan baki kerja berikutan penamatan kontrak SFSB, pelantikan GESB telah dilaksanakan melalui tender terhad di kalangan pentender yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Proses penilaian dan perakuan tender telah dilaksanakan berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa.*
- *Faktor pengalaman memang telah diambil kira dalam Garis Panduan Penilaian Tender JKR. Semasa menyertai tender, GESB sedang menyiapkan projek yang serupa di bawah seliaan JKR, iaitu Pembinaan Hospital Rehabilitasi Cheras – Pakej II bernilai RM341.9 juta. Projek ini telah disiapkan pada 27 Feb. 2012. KKM dan JKR akan memastikan syarikat yang dilantik bagi melaksanakan projek pembinaan hospital pada masa hadapan mempunyai pengalaman dalam pembinaan hospital dan yang berkaitan.*

15

2. PELANTIKAN KONTRAKTOR (samb...)

PENDAPAT AUDIT

Tindakan JKR menamatkan kontraktor SFSB dan seterusnya melantik kontraktor penyiap yang mempunyai pengalaman dalam pembinaan khususnya projek pembinaan hospital adalah tepat kerana kontraktor ini dapat membantu menyiapkan projek HSA.

16

3. PENTADBIRAN KONTRAK

3.1. LANJUTAN MASA

Dua EOT telah dikeluarkan kepada SFSB dan satu EOT kepada GESB semasa pemeriksaan Audit seperti dalam jadual dan gambar berikut:


KONTRAKTOR/ SYARIKAT	EOT	TEMPOH	TARIKH LULUS	SEBAB LANJUTAN MASA
Sunshine Fleet Sdn. Bhd.	EOT 1	14.11.2010 - 12.02.2011 (90 Hari)	22.10.2008	Kenaikan harga binaan dan harga bahan api yang ketara
	EOT 2	12.02.2011 - 25.06.2011 (133 Hari)	11.06.2009	Kelewatan kelulusan bagi melaksanakan kerja relokasi air dan kerja-kerja persimpangan jalan
Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd.	EOT 1	18.10.2013 - 24.09.2014 (341 Hari)	03.07.2013	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan mendapat bekalan air daripada syarikat konsesi air Kerja rektifikasi rangka pintu yang telah dipasang Tiada kelulusan lukisan susun atur wad diraja

17

3. PENTADBIRAN KONTRAK

3.1. LANJUTAN MASA (samb...)

GAMBAR 1



Wad Diraja Di Aras 13, Blok Utama
Wad Diraja Sedang Dalam Pembinaan
(18.12.2013)

GAMBAR 2



Wad Diraja Di Aras 13, Blok Utama
Wad Diraja Masih Dalam Pembinaan
(03.07.2014)

GAMBAR 3



Wad Diraja Di Aras 13, Blok Utama
Wad Diraja Sedang Dalam Pembinaan
(18.12.2013)

GAMBAR 4



Wad Diraja Di Aras 13, Blok Utama
Wad Diraja Masih Dalam Pembinaan
(03.07.2014)

18

3. PENTADBIRAN KONTRAK (samb...)

3.2. PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

- Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor, Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 3 September 2010. Pihak SFSB telah menyaman JKR dan Kerajaan pada 9 November 2012 kerana penamatan kontrak ini.
- JKR telah mengemukakan Notis Tuntutan Kos Kerugian berjumlah RM68.53 juta kepada SFSB melalui surat bertarikh 21 Februari 2013. Dimaklumkan Jabatan Peguam Negara Malaysia sedang mengendalikan kes saman SFSB dan tuntutan balas Kerajaan berkaitan projek ini.

19

3. PENTADBIRAN KONTRAK (samb...)

3.3. PELARASAN/PENINGKATAN KOS PROJEK (samb...)

- Bagi Pakej I, terdapat pengurangan kos bersih sejumlah RM300 ribu iaitu kos asal berjumlah RM9 juta dan bayaran yang telah dibuat adalah berjumlah RM8.7 juta.
- Bagi Pakej II projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh menyebabkan implikasi kewangan kepada Kerajaan iaitu peningkatan kos projek di mana kontraktor penyiap telah dilantik untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai.
- Kos asal projek HSA bagi Pakej II berjumlah RM482.6 juta telah meningkat sejumlah RM68.25 juta (14.2%) setelah mengambil kira harga kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada SFSB sebelum ditamatkan berjumlah RM139.98 juta (termasuk pendahuluan RM9.58 juta).

20

3. PENTADBIRAN KONTRAK (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

Apabila kontraktor projek iaitu SFSB telah ditamatkan, peningkatan kos menyiapkan baki kerja pembinaan HSA tidak dapat dielakkan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. Kos kerja awalan yang berulang dari kontrak asal seperti kos mengadakan insurans, bon pelaksanaan, gerenti rekabentuk, levi CIDB, membina pejabat tapak, membawa masuk mesin dan jentera ke tapak bina dan lain-lain lagi;*
- ii. Kos pembaikan kerja yang telah dibina tetapi tidak lagi selamat untuk diteruskan, contohnya dalam tempoh pelantikan kontraktor yang baru, terdapat kerja yang terdedah kepada elemen cuaca, vandalisme, kerja yang belum disempurnakan dan sebagainya;*

21

3. PENTADBIRAN KONTRAK (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- iii. Terdapat juga pertambahan skop kerja, iaitu pembinaan jejantas; dan*
- iv. Kenaikan harga disebabkan inflasi iaitu harga kontrak SFSB dimuktamadkan pada tahun 2007, sedangkan kontrak baru disetuju terima pada tahun 2012. Berlaku kenaikan mendadak harga bahan binaan berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak 30.3%. Pihak EPU berpandangan bahawa kenaikan kos penyiapan HSA sebanyak 15.2% adalah wajar dan munasabah.*

Sebagai langkah penambahbaikan Kementerian akan memastikan kenaikan harga kontrak baru dapat dikawal kerana pelantikan kontraktor baru adalah melalui proses tender terhad di mana petender perlu bersaing untuk menawarkan harga yang kompetitif.

22

4. KUALITI PEMBINAAN

- Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2013, kemajuan kerja fizikal pembinaan HSA adalah 73.95% dan pada keseluruhannya kualiti pembinaan dan kerja oleh kontraktor adalah memuaskan iaitu dari segi mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kerja kemas.
- Walau bagaimanapun, sekiranya ada kecacatan terhadap kerja dan binaan ianya akan ditegur oleh pengarah projek dan akan disenaraikan dalam DLP untuk diambil tindakan pembaikan. Bagaimanapun, di Kwarters Kelas E didapati perabot kabinet di setiap tingkat dipasang berdekatan dengan kipas siling dengan jarak 17cm jauh dan 5cm tinggi. (Gambar 1 dan 2)
- Kedudukan dan jarak ketinggian kabinet berhampiran dengan kipas siling menunjukkan susun atur yang kurang kondusif dan boleh membahayakan kepada keselamatan khususnya kepada kanak-kanak.

23

4. KUALITI PEMBINAAN (samb...)

GAMBAR 5



GAMBAR 6



Kedudukan Kabinet Berdekatan Dengan Kipas Siling
Bangunan Kwarters Kelas E
(18.12.2013)

24

4. KUALITI PEMBINAAN (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- *Pemasangan perabot dan kipas siling adalah mematuhi lukisan pembinaan yang digunakan secara umum. Walau bagaimanapun, semakan modifikasi reka bentuk pemasangan telah dilaksanakan untuk mengambil kira pemasangan sebenar di tapak bagi menjamin keselamatan dan menepati 'good engineering practice'. Pindaan rekabentuk dan pemasangan adalah dibenarkan berdasarkan keperluan teknikal, fungsi dan faktor keselamatan.*
- *Sebagai langkah penambahbaikan KKM dan JKR akan memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam pelan bagi projek pembinaan hospital yang akan datang. Berdasarkan maklum balas daripada GESB bertarikh 17 September 2014, pihak kontraktor akan membuat pengalihan terhadap perabot yang telah dipasang dan telah mengenal pasti unit rumah yang terlibat untuk tujuan penambahbaikan.*

PENDAPAT AUDIT

Susun atur kabinet di kuarters perlu lebih sesuai dan selamat digunakan. 25

5. PERALATAN PERUBATAN 5.1. PEROLEHAN

- Pihak JKR telah membuat permohonan kelulusan untuk mengimport barangan bagi 44 jenis peralatan perubatan kepada MITI pada 3 April 2013. MITI pada 16 April 2013 hanya meluluskan sebanyak 24 (54.5%) daripadanya dan baki 20 jenis peralatan perubatan telah ditolak.
- Pihak JKR telah memohon kelulusan khas kepada MOF bagi 20 jenis peralatan perubatan yang tidak diluluskan oleh MITI pada 28 Jun 2013 kerana pembuat dan pembekal tempatan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi projek menyiapkan Kerja Terbangkalai Hospital Shah Alam. MOF melalui surat bertarikh 18 September 2013 telah meluluskan permohonan daripada JKR untuk kelulusan khas pengecualian daripada SPP Bil. 7 Tahun 2002.

26

5. PERALATAN PERUBATAN

5.1. PEROLEHAN (samb...)

- Sehingga bulan Jun 2014, sebanyak 2,268 peralatan perubatan telah diterima dan sejumlah RM20.71 juta telah dibayar berdasarkan bayaran interim kemajuan kerja. Pihak Audit dimaklumkan ada peralatan perubatan yang diterima telah dipasang di lokasi yang berkenaan dan sebahagiannya masih disimpan di stor sementara.
- Bagaimanapun mengikut JKR kesemua peralatan tersebut belum dibuat testing and commissioning (T&C) kerana bangunan HSA belum siap. Tempoh waranti peralatan perubatan akan bermula selepas tarikh Sijil Perakuan Kerja Siap dikeluarkan.

27

5. PERALATAN PERUBATAN

5.2. PENYIMPANAN (samb...)

- Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan perubatan pada 18 Disember 2013 di bilik stor dan stor sementara di tingkat bawah kuarters blok D dan E mendapati peralatan perubatan tersebut masih disimpan di dalam kotak dan masih dalam tempoh waranti pembekal.
- Mengikut pegawai JKR, peralatan perubatan tersebut belum dibuat T&C. Oleh itu, tidak dapat dipastikan sama ada peralatan tersebut boleh berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, tahap kawalan keselamatan terhadap peralatan perubatan tersebut adalah memuaskan kerana disimpan di dalam stor yang berkunci dan dikawal oleh pegawai keselamatan. Manakala bagi peralatan elektronik ditempatkan di bilik yang berhawa dingin dengan penjagaan yang rapi, selamat dan bersih.

28

5. PERALATAN PERUBATAN

5.2. PENYIMPANAN (samb...)

GAMBAR 7



Stor Sementara
Bilik Berhawa Dingin, Anaesthetic Machine
(18.12.2013)

GAMBAR 8



Stor Sementara
Bilik Berhawa Dingin Ditutup Dan Dikunci Oleh Penyelia
(18.12.2013)

GAMBAR 9



Stor Sementara
Bilik Berhawa Dingin
Penempatan Peralatan Perubatan
(18.12.2013)

GAMBAR 10



Stor Sementara
Bilik Berhawa Dingin
Ditutup Dan Dikunci Oleh Penyelia
(18.12.2013)

29

5. PERALATAN PERUBATAN (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- Prosedur penyimpanan adalah menepati syarat-syarat Kontrak yang digunapakai "Storage Accommodation". Setelah semakan terperinci dibuat dan menepati peruntukan kontrak, peralatan tersebut akan di klasifikasi sebagai 'material on site' dan sebahagian bayaran akan dibuat. Untuk makluman, sepanjang tempoh penyimpanan sehingga pemasangan lengkap dibuat, sebarang kerosakan atau kehilangan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor sepenuhnya. Penerimaan oleh pihak Kerajaan dan bayaran penuh hanya akan dibuat setelah peralatan dipasang dan berfungsi dengan baik serta selepas lulus T&C.
- Sebagai langkah penambahbaikan JKR akan memastikan peralatan perubatan, penyusunan dan penyimpanannya berada dalam keadaan selamat dan memuaskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

PENDAPAT AUDIT

Kawalan terhadap peralatan perubatan, penyusunan dan penyimpanannya adalah memuaskan.

30

6. PEMANTAUAN PROJEK

- Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek oleh SFSB mendapati pihak JKR tidak mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek bagi memantau projek dengan lebih teliti.
- Bagaimanapun, secara keseluruhannya pemantauan kerja pembinaan HSA oleh JKR terhadap kerja kontraktor penyiap adalah memuaskan kerana kemajuan kerja secara fizikal dan mengikut nilai kewangan mendahului jadual yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak JKR telah mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek yang diketuai oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan.

31

6. PEMANTAUAN PROJEK (samb...)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

- *Pemantauan projek ke atas pembinaan HSA semasa kontrak SFSB dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat, dengan dua orang Pegawai Tapak diletakkan sepenuh masa di Tapak Projek bagi tujuan audit pembinaan. Manakala pemantauan projek ke atas pembinaan HSA semasa Kontrak GESB diletak di bawah Pasukan Projek yang lengkap bagi tujuan pemantauan yang lebih rapi dan berterusan. Sebagai langkah penambahbaikan JKR akan sentiasa memantau projek pembinaan HSA ini sehingga ianya disiapkan.*

PENDAPAT AUDIT

Pemantauan terhadap pelaksanaan kerja kontraktor penyiap adalah memuaskan.

32

SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian/JKR mengambil tindakan seperti berikut:

- kaedah pemilihan kontraktor hendaklah mengutamakan kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan;

33

SYOR AUDIT

- memastikan testing and commissioning dijalankan bagi semua peralatan perubatan yang diterima supaya peralatan perubatan tersebut dapat berfungsi dengan baik dan tempoh jaminan diliputi dengan sewajarnya; dan
- Kementerian/JKR meneruskan tuntutan kerugian kepada SFSB atas kegagalannya menyiapkan projek pembinaan HSA dan seterusnya mengambil tindakan menyenaraihitamkan syarikat tersebut dalam perolehan projek pembinaan Kerajaan.

34



Sekian
Terima Kasih



PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PEMBENTANGAN KEPADA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGAL KE-3 PARLIMEN KE-13 BILANGAN 19 TAHUN 2015 PADA 1 APRIL 2015**

ISI KANDUNGAN

Latar Belakang

Penemuan Audit

Perancangan Pengoperasian Hospital

The Way Forward



HOSPITAL SHAD








Jalan Persiaran Kayangan







LATAR BELAKANG



- Hospital Pakar Major – 300 katil
- Kos Projek : RM 482.6 juta
- Pelaksanaan secara ‘Reka dan Bina’
- Kaedah Perolehan :
 - ✓ Rundingan Terus (Kontraktor Asal)
 - ✓ Tender Terhad (Kontraktor Penyiap)

- Pakej Pelaksanaan :
 - ✓ Pakej I – Kerja Tanah dan Kerja Awalan
 - ✓ Pakej II – Kerja Bangunan

SKOP KERJA: PAKEJ 2


KERJA-KERJA BANGUNAN DAN BERKAITAN

1. Hospital **300 Katil** Pesakit.
2. **312 unit** kuarters:-
 - ✓230 Unit Kuarters Kelas D, E, F dan G
 - ✓42 Unit Kuarters Jururawat
 - ✓40 Unit Kuarters Houseman
3. Blok Kejuruteraan.
4. Blok M&E Plant Room.
5. Pencawang TNB.
6. Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal termasuk Peralatan Perubatan.
7. Kerja-kerja Luaran (jalan, sistem perparitan, pembetungan dan sistem bekalan air).
8. Kerja Penyelenggaraan untuk tempoh 24 bulan.

PERKHIDMATAN KEPAKARAN

- 1) *General Medicine*
- 2) *General Surgery*
- 3) *Pediatrics*
- 4) *Obstetrics & Gynecology*
- 5) *Anesthesiology,*
- 6) *Rehabilitation(Physiotheraphy & Occupational Therapy)*
- 7) *Orthopedics*
- 8) *Pathology*
- 9) *Diagnostic & Imaging*
- 10) *Otorhinolaryngology*
- 11) *Ophthalmology*
- 12) *Emergency & Trauma services*
- 13) *Oral Surgery*
- 14) *Pediatrics Dental Surgery*

PERANAN KKM DAN JKR DALAM PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN



MAKLUMAT AM KONTRAK

Kontraktor Asal (Pakej I)

Nama Kontraktor	Sunshine Fleet Sdn Bhd (SF SB)
Harga Kontrak	RM 9 juta
Tarikh Surat Niat	27 Julai 2006
Tarikh SST	29 Januari 2007
Tarikh Milik Tapak	8 Februari 2007
Tempoh Kontrak	8 Bulan
Tarikh Siap	7 Oktober 2007

MAKLUMAT AM KONTRAK

Kontraktor Asal (Pakej II)

Nama Kontraktor	Sunshine Fleet Sdn Bhd (SF SB)
Harga Kontrak	RM 482.6 juta
Tarikh SST	9 November 2007
Tarikh Milik Tapak	15 November 2007
Tempoh Kontrak	36 Bulan
Tarikh Siap Asal	14 November 2010
Tarikh Tamat Kontrak	3 September 2010
Maklumat Lanjutan Masa	EOT No.1 : 90 Hari (Lulus : 22/10/2008) (14 November 2010 – 12 Disember 2010) EOT No.2 : 133 Hari (Lulus : 11/06/2009) (12 Februari 2011 – 25 Jun 2011)
Jumlah Bayaran Dibuat	RM 139.98 juta (termasuk bayaran pendahuluan RM 9.58 juta)

MAKLUMAT AM KONTRAK

Kontraktor Penyiap

Nama Kontraktor	Gadang Engineering Sdn Bhd (GESB)
Harga Kontrak Asal	RM 410.87 juta
Harga Kontrak Semasa	RM 407.77 juta
Tarikh SST	10 Oktober 2011
Tarikh Milik Tapak	19 Oktober 2011
Tempoh Kontrak	24 Bulan
Tarikh Siap Asal	18 Oktober 2013
Maklumat Lanjutan Masa	EOT No 1 : 341 Hari (Lulus : 16/07/2013) (18 Oktober 2013 - 24 September 2014) EOT No 2 : 177 Hari (Lulus : 12/09/2014) (24 September 2014 - 31 Mac 2015)

MAKLUMAT AM PERUNDING

Nama Perunding	Kepakaran
1) Damansara Architect	Arkitek
2) Khairi Consultant Sdn Bhd	Juruperunding Sivil & Struktur
3) Perwira Al-Syura Consulting Eng.Sdn Bhd	Juruperunding Mekanikal & Elektrikal
4) MA Quantity Surveyors	Juruperunding Ukur Bahan
5) Arkitek Ilham Karya	<i>Medical Planner</i>
6) EAG Consulting Sdn Bhd	<i>Energy Efficiency Consultant</i>
7) Oratis Services Sdn Bhd	Juruperunding IT
8) Vamed Eng. (M) Sdn Bhd	<i>Medical Equipment Planner</i>
9) Onions Design Consultants Sdn Bhd	Juruperunding Pereka Dalaman
10) Metroscape	Juruperunding Lanskap

SKOP PENGAUDITAN

- Meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan Hospital Shah Alam dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan kontrak oleh kontraktor penyiap.
- **Tempoh auditan bermula Disember 2013 hingga Mei 2014.**

PENEMUAN AUDIT

1.

- **Prestasi Projek Pembinaan**

2.

- **Pelantikan Kontraktor**

3.

- **Lanjutan Masa**

4.

- **Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor**

5.

- **Pelarasan / Peningkatan Kos Projek**

6.

- **Kualiti Pembinaan**

PENEMUAN AUDIT

7.

- Perolehan Peralatan Perubatan



8.

- Penyimpanan Peralatan Perubatan



9.

- Pemantauan Projek



PENEMUAN AUDIT 1:

PRESTASI PROJEK PEMBINAAN

Isu

PRESTASI PROJEK PEMBINAAN

- i. SFSB telah ditamatkan kontrak kerana:
 - tiada kesungguhan oleh SFSB untuk menyiapkan kerja walaupun dua Surat Amaran telah dikeluarkan pada 20 Mei 2009 dan 15 Julai 2010;
 - Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan pada 3 September 2010; dan
 - Prestasi projek semasa penamatan kontrak: 27% kerja berbanding jadual 33.1%.
- ii. GESB dilantik bagi menyiapkan kerja terbengkalai untuk 24 bulan dengan harga kontrak RM410.87 juta. Projek tidak siap mengikut tempoh kontrak.

Pendapat Audit:

JKR perlu menyelia kerja-kerja kontraktor dengan lebih rapi.

Penjelasan

GESB lewat menyiapkan projek:

- kelewatan mendapat bekalan air daripada SYABAS kerana terdapat tunggakan bayaran bil oleh kontraktor terdahulu (SFSB) sebanyak RM 32,000.00 ; (21 hari)
- Kerja rektifikasi rangka pintu (1,814 unit) yang telah dipasang oleh SFSB; (147 hari)
- Kelewatan kelulusan lukisan pelan rekabentuk dalaman wad diraja; (242 hari) dan
- Interaksi ruang data perlu diulang semula oleh GESB melibatkan 2,400 bilik dan 16,616 peralatan (177 hari)

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

- ❑ JKR telah menyediakan **garis panduan pelaksanaan projek** yang lebih munasabah.
 - a) 36 – 40 bulan bagi pembinaan hospital dengan skop peralatan lengkap serta kuarters
- ❑ **Pasukan lengkap JKR** (*full team*) untuk projek yang kompleks (HSAS 11 orang).
- ❑ Menyediakan **Pegawai Tapak Bina** bagi setiap projek.
- ❑ Pewujudan **Core Team KKM** (15 orang) yang memantau pelaksanaan projek.
- ❑ KKM dan JKR melakukan **pemantauan berkala** melalui :
 - a) Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK);
 - b) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JKPPPP);
 - c) Mesyuarat Tapak; dan
 - d) Lawatan YB Menteri KKM dan KKR serta KSU

PRESTASI SEMASA PROJEK

FIZIKAL

Perkara	Peratus Kemajuan
Tarikh Berakhir	1 April 2015
Kemajuan Jadual	100%
Kemajuan Sebenar	99%
Perbezaan %	- 1%
Cepat/Lewat (Hari)	- 60 Hari

KEWANGAN

Perkara	Prestasi Perbelanjaan
Tarikh Berakhir	1 April 2015
Kemajuan Jadual	RM404.9 juta (98.90%)
Kemajuan Sebenar	RM348.9 juta (85.60%)
Perbezaan (RM)	- RM55.9 juta (-13.3%)

PENEMUAN AUDIT 2:

PELANTIKAN KONTRAKTOR

Isu	Penjelasan
<p>PELANTIKAN KONTRAKTOR</p> <ul style="list-style-type: none"> • SFSB dilantik secara rundingan terus oleh MOF; • Kontrak ditamatkan pada 3 September 2010. Prestasi adalah 27% kerja berbanding jadual 33.1%; dan • GESB kontraktor penyiap diberi 24 bulan (19 Oktober 2011 – 18 Oktober 2013) bagi menyiapkan projek. <p><u>Pendapat Audit:</u> Tindakan JKR menamatkan kontraktor SFSB dan melantik kontraktor penyiap adalah tepat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dua (2) surat amaran dikeluarkan - ✓ 12/05/2009 ✓ 15/07/2010 • Surat Kemungkiran Kontraktor :04/08/2010 • Notis untuk tujuan penamatan : 11/08/2010 • Notis penamatan kontraktor : 03/09/2010 • Pelantikan GESB dilaksanakan melalui tender terhad di kalangan pentender yang diluluskan oleh MOF; dan • Faktor pengalaman GESB dalam menyiapkan projek Hospital Rehabilitasi Cheras

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

- ❑ Syarikat yang dilantik bagi melaksanakan projek pembinaan hospital hendaklah mempunyai **pengalaman dalam pembinaan hospital** dan yang berkaitan.
- ❑ Mewujudkan **penarafan khusus untuk kontraktor** pembinaan fasiliti kesihatan khususnya hospital.
- ❑ Mewujudkan **kod bidang khusus** untuk *Medical Planner* dan *Medical Equipment Planner Consultant*

PENEMUAN AUDIT 3:

LANJUTAN MASA (EOT)

Isu	Penjelasan
<p>LANJUTAN MASA (EOT)</p> <p>SFSB - 2 EOT:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 14 November 2010 – 12 Februari 2011 (90 hari); dan • 12 Februari 2011 – 25 Jun 2011 (133 hari). <p>GESB – 1 EOT:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 18 Oktober 2013 – 24 September 2014 (341 hari). <p>Nota;</p> <ul style="list-style-type: none"> • GESB diluluskan EOT No.2 dari 24 September 2014 hingga 31 Mac 2015 (177 hari) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan harga binaan dan harga bahan api yang ketara; dan • Kelewatan kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja retikulasi air (SYABAS) dan kerja-kerja persimpangan jalan (MBSA) <ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan mendapat bekalan air daripada SYABAS; • Kerja rektifikasi 1,814 rangka pintu yang telah dipasang; • interaksi data ruang perlu diulang semula oleh GESB dan ini mengambil masa (177 hari) melibatkan 2,400 bilik (16,616 peralatan); • Tiada kelulusan rekabentuk dalaman wad diraja; dan • Catuan air oleh SYABAS dan kelewatan kelulusan interaksi data

PENEMUAN AUDIT 4:

PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

Isu	Penjelasan
<p>PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor, Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 3 September 2010. • Pihak SFSB pula telah menyaman JKR dan Kerajaan pada 9 November 2012 kerana penamatan kontrak ini. • JKR telah mengemukakan Notis Tuntutan Kos Kerugian berjumlah RM68.53 juta kepada SFSB melalui surat bertarikh 21 Februari 2013 	<ul style="list-style-type: none"> • Notis Tuntutan Kos Kerugian RM68.53 juta dikemukakan Kerajaan kepada SFSB adalah prosedur yang ditetapkan bagi semua kontrak kerja yang ditamatkan. • Notis tuntutan kepada SFSB : 21/02/2013. • Jumlah tuntutan adalah perbezaan (kerugian) kos kepada kerajaan, iaitu kos penyiapan semula projek dan kos mempelawa semula tender. • Jabatan Peguam Negara Malaysia sedang mengendalikan kes saman terhadap SFSB dan tuntutan balas Kerajaan. • Tarikh perbicaraan dijadualkan pada 23-26 Mac 2015 telah ditangguhkan

Penamatan SFSB : Garis Panduan KPKR - 4 Oktober 2006



PENEMUAN AUDIT 5:

PELARASAN PENINGKATAN KOS PROJEK

Isu	Penjelasan
<p>PELARASAN PENINGKATAN KOS PROJEK</p> <p>Peningkatan kos projek sejumlah RM68.25 juta (14.15%) berlaku kerana pelantikan GESB sebagai kontraktor penyiap.</p> <p><u>Pendapat Audit:</u> Dengan pelantikan kontraktor penyiap bagi menyiapkan projek terbengkalai Kerajaan terpaksa menanggung peningkatan kos projek dan hospital lewat beroperasi.</p>	<p>Peningkatan kos bagi menyiapkan baki kerja disebabkan oleh faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos kerja awalan yang berulang dari kontrak asal; • Kos pembaikan kerja yang telah dibina tetapi tidak lagi selamat untuk diteruskan; • Terdapat juga pertambahan skop kerja, iaitu pembinaan jejantas; dan • Kenaikan harga disebabkan inflasi iaitu kenaikan mendadak harga bahan binaan.

PENINGKATAN KOS

Kos Projek Asal :	RM 482.60 juta
Bayaran ke SFSB : juta	RM 139.98
Baki kos projek :	RM 342.62 juta
Kos kontrak penyiap :	RM 410.87 juta
Peningkatan kos projek : juta	RM 68.25
	(14.15%)

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Kenaikan harga kontrak baru telah dapat dikawal kerana pelantikan kontraktor baru adalah melalui proses tender terhad di mana petender perlu bersaing untuk menawarkan harga yang kompetitif.

PENEMUAN AUDIT 6:

KUALITI PEMBINAAN

Isu	Penjelasan
<p>KUALITI PEMBINAAN</p> <p>Perabot kabinet di setiap tingkat dipasang berdekatan dengan kipas siling</p> <p><u>Pendapat Audit:</u> Susun atur kabinet di kuarters perlu lebih sesuai dan selamat digunakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan perabut dan kipas siling mematuhi lukisan pembinaan yang digunapakai secara umum. • Kerja-kerja penambahbaikan disempurnakan oleh GESB pada 27 Januari 2015.

PENEMUAN AUDIT 7:

PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN

ISU	PENJELASAN
<p data-bbox="174 204 481 311">PEROLEHAN PERUBATAN</p> <p data-bbox="772 204 1064 247">PERALATAN</p> <ul data-bbox="174 383 1075 1308" style="list-style-type: none"> • Sehingga bulan Disember 2013, sebanyak 596 peralatan perubatan telah diterima dan sejumlah bayaran RM11,377,921.27 telah dibuat. • Pihak Audit dimaklumkan peralatan perubatan yang diterima belum dibuka dari kotak asalnya kecuali beberapa peralatan besar dibuka kotaknya semasa pemeriksaan Audit bagi membuktikan kewujudan peralatan tersebut. • Menurut JKR kesemua peralatan tersebut belum dibuat <i>testing and commissioning</i> (T&C) kerana hospital belum siap. Tempoh waranti peralatan perubatan akan bermula selepas sijil T&C dikeluarkan. 	<ul data-bbox="1131 319 2016 1069" style="list-style-type: none"> • Dalam skop kontrak HSA, sebanyak 95 pakej peralatan perubatan akan dibekalkan merangkumi peralatan perubatan sebanyak 1460 item (16,616 peralatan). • Sehingga 28 Februari 2015, sebanyak 918 kod item (14,171 unit) peralatan perubatan yang telah diterima dan sejumlah RM 73.31juta telah dibayar. • Bayaran dibuat berasaskan '<i>material on-site</i>' dan bayaran sepenuhnya akan dibuat setelah T&C dilaksanakan.

PENEMUAN AUDIT 8:

PENYIMPANAN PERALATAN PERUBATAN

ISU

PENYIMPANAN PERALATAN PERUBATAN

- Pemeriksaan Audit pada 18 Disember 2013 mendapati peralatan perubatan disimpan di dalam kotak, masih dalam tempoh waranti pembekal. Mengikut pegawai JKR, peralatan perubatan tersebut belum dibuat T&C. Oleh itu, tidak dapat dipastikan sama ada peralatan tersebut boleh berfungsi dengan baik.
- Tahap kawalan keselamatan terhadap peralatan perubatan adalah memuaskan kerana disimpan di dalam stor berkunci dan dikawal oleh pegawai keselamatan. Peralatan elektronik ditempatkan di bilik berhawa dingin dengan penjagaan yang rapi, selamat dan bersih.

Pendapat Audit;

Kawalan terhadap peralatan perubatan, penyusunan dan penyimpanannya adalah memuaskan.

PENJELASAN

- Prosedur penyimpanan adalah menepati syarat-syarat Kontrak yang digunapakai – “*Storage Accommodation*”.
- Setelah semakan terperinci dibuat dan menepati peruntukan kontrak, peralatan tersebut akan diklasifikasi sebagai ‘*material on site*’ dan sebahagian bayaran akan dibuat.
- Sepanjang tempoh penyimpanan sehingga pemasangan lengkap dibuat, sebarang kerosakan atau kehilangan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.
- Penerimaan oleh pihak Kerajaan dan bayaran penuh akan dibuat setelah peralatan dipasang dan berfungsi dengan baik serta selepas lulus T&C.

PENEMUAN AUDIT 9:

PEMANTAUAN PROJEK

ISU

PEMANTAUAN PROJEK

- Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek yang dilaksanakan oleh SFSB mendapati JKR tidak mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek bagi memantau projek dengan lebih teliti.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati pemantauan kerja pembinaan oleh JKR terhadap kontraktor penyiap adalah memuaskan kerana kemajuan kerja secara fizikal dan kewangan mendahului jadual yang ditetapkan.
- JKR telah mewujudkan pasukan projek khas di tapak projek dan memastikan mesyuarat tapak dan laporan bulanan diadakan secara berkala seperti yang ditetapkan.
- JKR juga mengadakan pemantauan melalui sistem SKALA yang merangkumi maklumat asas kontrak, nilai kerja, pra kontrak, kewangan dan bayaran interim.

Pendapat Audit:

Pemantauan terhadap pelaksanaan kerja kontraktor penyiap adalah memuaskan.

PENJELASAN

- Pemantauan projek semasa kontrak SFSB dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat, dengan dua orang Pegawai Tapak diletakkan sepenuh masa di Tapak Projek bagi tujuan audit pembinaan.
- Pemantauan projek semasa Kontrak GESB diletak di bawah Pasukan Projek JKR (11 orang) yang lengkap bagi tujuan pemantauan yang lebih rapi dan berterusan.
- Pihak KKM juga telah mewujudkan *Core Team* (15 orang) khusus bagi projek ini.

PERANCANGAN PENGOPERASIAN HOSPITAL


PENGOPERASIAN HOSPITAL SHAH ALAM

Official Handing over

(End June 2015)

Start Outpatient Services
And Medical Day Care Services

Start Inpatient Services (fully)
ED, OT, Critical Care Services
(ICU/CCU/NICU),
Labour Room, PAC



JUNE JULY AUGUST SEPT OCT NOV DEC JAN FEB MAR

Staff Mobilisation,
Work Process, Patient
Flow & ICT System
Familiarization
Getting hospital,
department and disaster
policy plan in order

Start Inpatient Services
(small scale)
and Hemodialysis

STATUS PERJAWATAN HOSPITAL SHAH ALAM SEHINGGA KINI

KUMPULAN	JAWATAN	PENGISIAN	% PENGISIAN
PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL	338	270	31.3
PARAMEDIK & AUKSILIARI	572	378	43.8
GUNASAMA & SOKONGAN	315	215	24.9
JUMLAH KESELURUHAN	1225	863	70.4

THE WAY FORWARD

IKTIBAR (*LESSONS LEARNT*)

- ❑ Pelantikan kontraktor yang berpengalaman dan berkelayakan dalam pembinaan fasiliti kesihatan serta mempunyai prestasi kerja baik.
- ❑ Kerjasama erat JKR/KKM core team bersama kontraktor/perunding bagi projek yang kompleks.
- ❑ Keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi lain hendaklah dimaklumkan lebih awal sebelum pelaksanaan projek.
- ❑ Tempoh pembinaan yang lebih munasabah khususnya bagi projek hospital yang kompleks.


CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- ❑ Mewujudkan **penarafan khusus** untuk kontraktor pembinaan fasiliti kesihatan khususnya hospital.
- ❑ Mewujudkan **kod bidang khusus** untuk *Medical Planner* dan *Medical Equipment Planner Consultant*.
- ❑ Melibatkan **agensi pelanggan** dalam proses kelulusan VO dan EOT.


VISUAL HOSPITAL SHAH ALAM








Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 2) – *General Administration*



Lokasi : Admission and Revenue

2014.11.19 11:34



Lokasi : General Medicine Specialist Clinic




Lokasi : Makmal Patologi




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 1) – *Engineering Department*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 1) – *Catering Department*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 2) – Auditorium



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 2) – *Ophthalmology Specialist Clinic*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 3) – *Imaging Department*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 4) – NICU



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 4) – *Obstetric & Gynaecology*



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 5) – *Dental Specialist Clinic*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 6) – OT




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 7) – CSSD


2014. 11. 19 10:18



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 8) – Obstetric Ward



Lokasi : General Surgery



Lokasi : General Surgery Clinic




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 9) – *Surgical Ward*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 10) – *Medical Ward*




Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 11) – *Orthopaedic Ward*



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 12) – *Pediatric Ward*



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 1) – *Mortuary Department*



Lokasi: Blok Utama Hospital (Aras 13) – *VVIP / First Class Ward*



SEKIAN TERIMA KASIH

**PEMBENTANGAN KEPADA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGAL KE-3 PARLIMEN KE-13 BILANGAN 19 TAHUN 2015 PADA 1 APRIL 2015**